

Jilid I
Bil.5



Hari Selasa
11hb Disember, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 609]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 660]

RANG UNDANG-UNDANG :

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun)
[Ruangan 660]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) [Ruangan
664]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1991 [Ruangan 662]

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1990 [Ruangan 681]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY YELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri KerjaRaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN
HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.I., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

„ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD, GHATALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAIHAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAIA SUIAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.S.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Indusiri, TUAN CHUA Jui MENG P.I.S (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.H.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N P.P.C (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDULRAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD, SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK BBN AWANG DAMIT (Labuan),
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- .. DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- .. TUAN BILLY ABIT Joo (Hulu Rajang).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- .. TUAN AHMAD BBN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

Yang Berhormat DATO'ALIAS BIN MD. Au, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

DR V. DAVID (Puchung).

TUAN FONG Kui LUN (Klang).

TUAN FOO TIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAO, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

„ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ , TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH AROW (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.STJ. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMNIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAIM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SRI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

WAN MOHD. HANAFIAH BIN WAN MOHD. SAMAN (Kota Setar).

WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdu! Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARUMEN

Keiua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 11hb Disember, 1990

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****RINGGIT MALAYSIA**

1. **Datin Ling Chooi Sieng** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Ringgit Malaysia masih rendah dibandingkan dengan matawang setengah-setengah negara seperti UK, Germany, Jepun dan lain-lain dan Bank Negara masih memainkan peranan menstabilkan matawang negara kita memandangkan bahawa:

- (a) kadar pertumbuhan ekonomi negara kita adalah 9%;
- (b) Negara kita mengeluarkan 600,000 tong minyak petroleum sehari dengan harganya melebihi US\$40 satu tong; dan
- (c) pelabur-pelabur asing juga telah melabur berjuta-juta ringgit di negara kita.

77.72.90

16. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana kita telah berjaya dalam mengawal inflasi di negara ini sejak matawang ringgit Malaysia jatuh berbanding dengan nilai matawang asing. Adakah kita berupaya mengurangkan import barang-barang

luar negeri dan pada masa yang sama menaikkan eksport keluaran buatan Malaysia.

75.72.90

21. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah nilai ringgit masih menurun walaupun kadar pertumbuhan ekonomi negara meningkat.

20.72.90

13. **Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah nilai ringgit Malaysia lebih rendah daripada Singapura dan nisbah dengan pertukaran wang asing.

5.7.97

16. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Kewangan menyatakan walaupun pertukaran matawang kita stabil dengan beberapa wang-wang lain, apakah sebab-sebabnya kadar pertukaran wang kita dengan wang negara Singapura menurun setiap tahun sejak beberapa tahun dahulu, walaupun negara kita begitu kaya dengan petroleum dan barang-barang lain jika dibandingkan dengan negara tersebut. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengukuhkan wang negara kita dengan negara ini pada tahun-tahun yang akan datang.

9.7.97

7. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa nilai mata-

wang atau ringgit Malaysia telah jatuh ke paras yang membimbangkan dan amat rendah jika dibandingkan dengan nilai dollar Singapura, Brunei atau beberapa negara yang lain. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan supaya ringgit kita tidak terus jatuh.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow); Tuan Yang di-Pertua, di dalam persidangan Dewan Rakyat ini, saya telah menerima beberapa soalan berkenaan dengan nilai ringgit. Soalan-soalan ini dikemukakan oleh ahli-ahli berikut iaitu:

- (i) Y.B. dari Lumut yang dijadualkan pada hari ini
- (ii) Y.B. dari Sungai Besi yang dijadualkan pada 17.12.90
- (iii) Y.B. dari Kuala Kedah yang dijadualkan pada 18.12.90
- (iv) Y.B. dari Jerai yang dijadualkan pada 20.12.90.
- (v) Y.B. dari Segamat yang dijadualkan pada 3.1.91; dan
- (vi) Y.B. dari Kimanis yang dijadualkan pada 9.1.91.

Walaupun soalan-soalan berlainan sedikit, pada keseluruhannya tujuannya adalah sama dalam ertikata meminta penerangan dan penjelasan mengenai nilai ringgit dari Kementerian saya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin menjawab kesemua soalan-soalan ini sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, turun naik -nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditentukan oleh faktor pasaran di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya, turun dan naik nilai ringgit banding dengan nilai matawang asing adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan

terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campurtangan dengan pasaran matawang asing. Kerajaan hanya bertindak untuk menentukan supaya pasaran terhadap ringgit adalah teratur. Dalam scbclas bulan pertama tahun 1990 nilai ringgit telah merosot sebanyak 9.6% terhadap dolar Singapura, 18% terhadap paun sterling, 11.6% terhadap deutschemark dan 10.9% terhadap yen Jepun. Kemerosotan nilai ringgit terhadap matawang-matawang tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan nilai matawang itu di pasaran pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang nilai ringgit adalah kompetitif oteh itu kita harus tidak bimbang. Nilai ringgit yang kompetitif memberi lebih manfaat kepada kita kerana ianya telah meningkatkan daya bersaing eksport kita, meningkatkan prospek untuk sektor pelancongan dan telah menjadikan negara kita sebuah negara yang menarik untuk pelaburan. Kemerosotan nilai ringgit terhadap dolar Singapura telah menghasilkan kesan-kesan yang baik kepada ekonomi negara kita ini dari segi pelancongan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya bimbang terhadap pergerakan nilai ringgit terhadap satu matawang asing sahaja. Kita seharusnya perlu mengambilkira pergerakan ringgit terhadap komposit matawang rakan-rakan dagangan utama Malaysia. Semenjak akhir tahun 1988 nilai ringgit telah bertambah stabil terhadap komposit,

Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi kedudukan nilai ringgit di pasaran. Langkah-langkah ini termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati untuk menggalakkan pelaburan swasta dan meningkatkan eksport negara. Langkah-langkah ini telah berhasil di dalam mengukuhkan

pertumbuhan negara dan meningkatkan pelaburan terutamanya pelaburan-pelaburan asing. Dengan keadaan ekonomi dan kedudukan rizab kita yang semakin kukuh ini adalah dijangka bahawa nilai ringgit akan terus kukuh dan stabil pada masa akan datang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa Bank Ncgara telah mengeluarkan banyak wang berbilion-bilion ringgit untuk mengukuhkan nilai ringgit pada tempoh beberapa bulan yang lepas itu. Kalau benar adakah ini bertentangan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormal tadi dan walaupun ada setengah-setengah tempat misalnya di negeri Johor yang dapal untung sedikit daripada nilai ringgit yang rendah berbanding dengan dolar Singapura, tetapi pada puratanya, pada keseluruhannya, adakah ini membawa keuntungan kepada Malaysia ataupun adakah Malaysia mampu untuk mengambil peluang ini unluk memajukan perdagangan dan perindustrian negara ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menafikan bahawa Kcrajaan telah membelanjakan sebanyak \$8 bilion dalam tempoh 1980 hingga 1984, dalam tempoh 4 tahun yang lalu. Sebab-sebab Kerajaan membelanjakan wang sebanyak ini adalah untuk menstabilkan nilai ringgit kalau dibandingkan dengan dolar Singapura. Ini adalah kerana pada tempoh yang saya sebutkan oleh kerana kenaikan dolar Singapurayang kecil pun telah mengakibatkan kebimbangan yang ketara di kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, dalam tempoh 4 tahun yang lalu itu, Kerajaan telah menyokong nilai ringgit dengan campurtangan supaya rakyat tidak begitu bimbahg, tetapi sejak tahun 1984, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa Kerajaan tidak akan campurtangan supaya nilai ringgit akan dapat mencapai satu tahap yang lebih sihat iaitu to follow the market process.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan lazimnya Kerajaan tidak mencampurtangan di dalam soal nilai ringgit ini. Pada petang semalam Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang menyebul bahawa dengan Kerajaan menurunkan kadar faedah menyebabkan pelabur-pelabur luar ngeri yang datang ke Malaysia meminjam wang daripada sumber dalam negeri. Dan menurut dakwaan beliau ini adalah satu faktor yang menurunkan nilai ringgit. Adakah ini betul?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak faktor yang mempengaruhi nilai ringgit. Faktor yang disebutkan itu bukan begitu ketara, bukan begitu jelas. Oleh kerana negara kita ini memerlukan pelabur-pelabur asing datang ke negara kita ini dan ada cara-cara yang lain supaya Kerajaan dapat menolong mereka.

LARANGAN MEROKOK

2. **Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan orang yang ditangkap dan didenda kerana merokok di 'kawasan larangan merokok' di lapangan terbang dan dalam kapal terbang; dan
- (b) masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan khasnya dari segi penguatkuasaan undang-undang menangkap orang ramai yang melanggar undang-undang tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk tujuan menentukan keselesaan penumpang-penumpang yang tidak merokok, Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil tindakan

menetapkan kawasan-kawasan di dalam bangunan yang melarang orang-orang awam merokok. Untuk tujuan yang sama, pihak MAS juga telah mengambil tindakan untuk melarang penumpang merokok dalam penerbangan-penerbangan tertentu seperti penerbangan di antara Kuala Lumpur/Singapura dan Kuala Lumpur/Pulau Pinang,

Bagi penerbangan-penerbangan lain pula beberapa tempat duduk telah pun dikhaskan bagi penumpang-penumpang yang merokok. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Penerbangan Awam dan MAS terhadap penumpang yang melanggar peraturan yang ditetapkan ini hanyalah setakat memberi nasihat dan teguran sahaja. Adalah didapati bahawa kebanyakan daripada orang-orang yang melanggar peraturan tersebut tidak melakukannya dengan sengaja tetapi tidak mengetahui bahawa kawasan serta tempat duduk yang ditetapkan itu adalah dalam kawasan larangan merokok.

Bagaimanapun sehingga kini mereka telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai-pegawai yang bertugas. Oleh hal yang demikian tiada sebarang tahkapan atau denda dikenakan kepada orang-orang yang merokok di dalam kawasan larangan merokok.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini tiada peruntukan perundangan dalam Akta Penerbangan Awam 1969 yang membolehkan Jabatan Penerbangan Awam untuk mengambil tindakan terhadap seseorang yang didapati melanggar peraturan merokok di kawasan larangan merokok dalam bangunan terminal atau

dalam pesawat. Namun demikian, peraturan perundangan diadakan dalam Akta Penerbangan Awam 1969 untuk mengambil tindakan tegas terhadap orang-orang yang merokok di kawasan memakir pesawat-pesawat dan di bangunan hangar di bahagian larangan iaitu di lapangan terbang air side. Bagaimanapun, sehingga kini tiada sesiapa yang melanggar peraturan berkenaan di kawasan-kawasan yang disebutkan itu.

Ini adalah kerana orang-orang yang diberi kebenaran untuk memasuki ke kawasan-kawasan berkenaan memahami akan peraturan berkenaan dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa.

TAHANAN ISA

3. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkara-perkara berikut mengenai tahanan ISA:

- (a) berapa ramaikah bilangan orang yang masih ditahan di bawah ISA. Dari jumlah tersebut berapa ramai yang beragama Islam dan bcrapa ramai yang bukan beragama Islam;
- (b) adakah benar bahawa tahanan ISA yang beragama Islam yang ditempatkan di Kem Tahanan Kamunting tidak dibenarkan bersembahyang Jumaat sedangkan kemudahan untuk itu ler-dapat dalam kem tersebut; dan
- (c) adakah benar bahawa tahanan ISA tersebut dilarang dari membaca akhbar-akhbar tertentu. Jika benar nyatakan nama-nama akhbar yang dilarang itu dan apakah sebabnya larangan ini dikenakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan orang yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah seramai 155 orang. Dari jumlah ini 30 orang adalah beragama Islam dan 125 orang pula menganut lain-lain agama.
- (b) Tidaklah benar sepertimana dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa orang Islam tidak dibenarkan bersembahyang Jumaat di surau dalam Kem Tahanan Perlindungan Kamunting itu. Pihak berkuasa tempat lantikan sentiasa mengambil berat dengan menyediakan kemudahan surau untuk sembahyang Jumaat dan lain-lain kemudahan ibadat kepada orang tahanan. Tetapi bila didapati jemaah tidak mencukupi 40 orang untuk sembahyang Jumaat, pihak Jabatan Ugama Islam, Perak telah mengarahkan agar sembahyang Jumaat bagi orang-orang tahanan juga kakitangan pusat lantikan di masjid yang berhampiran dengan pusat tahanan. Namun begitu, dari segi keselamatan amalan begini sangat sukar untuk dilaksanakan.

Namun begitu, pihak Kementerian Dalam Negeri telah menimbang secara serius dan akan membuat peraturan-peraturan di mana orang tahanan Islam dan kakitangan pusat tahanan yang beragama Islam akan bersembahyang Jumaat di dalam masjid 'di pusat tahanan jika mencukupi jumlah jemaah sepertimana yang dikehendaki di dalam Islam.

- (c) Kebenaran bagi orang-orang lantikan membaca akhbar-akhbar adalah terletak kepada budibicara

pihak berkuasa tempat lantikan. Orang-orang tahanan dibenarkan membaca akhbar-akhbar melainkan akhbar-akhbar tertentu yang difikirkan tidak sesuai dari sudut pemulihan orang-orang tahanan. Oleh yang demikian, jika ada akhbar-akhbar tertentu tidak dibenarkan untuk dibaca, mungkin ianya difikirkan tidak sesuai oleh pihak berkuasa tempat tahanan kerana kesannya boleh melambatkan proses pemulihan orang-orang tahanan itu sendiri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. ISA memang bagus untuk mententeramkan dan memberi keamanan kepada negara. Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi perincian dari segi mereka yang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi tiap-tiap zaman pemerintahan bagi Perdana Menteri-Perdana Menteri. Saya ingin bertanya adakah tangkapan dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri semasa pemerintahan Perdana Menteri yang pertama? Saya mohon maaf terpaksa bertanya soalan ini untuk mengelakkan pandangan yang tidak betul yang telah dibentangkan oleh wakil PAS scmalam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini sudah jauh terkeluar daripada tajuk yang sebenarnya. Jadi, bagaimanapun wakil Arau bolehlah menulis secara rasmi kepada Kementerian untuk mendapatkan data-data tersebut.

Tuan Kaji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak membenarkan orang-orang tahanan bersembahyang Jumaat, ruling ini berubah-ubah. Dahulunya dibenarkan sembahyang tetapi masa kami masuk dahulutanun1987orangIslamnyaramai tetapi tidak dibenarkan bersembahyang Jumaat di masjid di dalam kem. Apakah ada alasan-alasan yang kukuh untuk

tidak membolehkan kakitangan ataupun orang-orang yang dikena tahan tidak dibenarkan sembahyang Jumaat? Apakah ada fatwa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Perak ataupun Kerajaan Pusat?

Yang kedua, di dalam kem tahanan terdapat pegawai-pegawai pemulihan yang bekerja begitu kuat untuk melagakan orang-orang tahanan supaya mereka sering bergaduh dan pegawai-pegawai pemulihan ini juga tugasnya supaya orang-orang yang ditahan itu memasuki UMNO kalau hendak bebas cepat ataupun orang Islam menyertai badan-badan dakwah yang dianggap tidak menentang Kerajaan. Masuklah badan-badan dakwah itu kalau hendak bebas cepat.

Kemudian juga soalan yang ketiga

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah cukuplah. Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya orang yang kena tahan ini tahu lebih mendalam, wakil dari Arau tidak lahu, dia tidak pernah masuk (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memanglah orang yang berpengalaman ini boleh menggambarkan perkara itu dengan terperinci. Memang benar Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat merasa duduk di Kamunting, sembahyang Jumaat kita jalankan. Tetapi Yang Berhormat masuk tahun 1987. Arahan daripada Pejabat Agama Islam ialah pada tahun 1986.

Itulah sebabnya mengapa Sembahyang Jumaat itu tidak dilakukan dalam kem. Sekarang setelah difikirkan semula, sungguhpun mengikut syarat-syarat wajib Jumaat mengikui ukuran

ulama, orang itu adalah mesti Islam, lelaki, merdeka, baligh, berakal, sihat, namun begitu pihak Kementerian Dalam Negeri akan menimbang dengan serius agar mereka ini dapat menunaikan fardhu Jumaat.

Perkara yang kedua, kalaulah ada pegawai-pegawai yang berlagak sedemikian rupa, yang melaga-lagakan orang-orang tahanan dan mengeluarkan satu nasihat yang tidak selari dengan asasi perjuangan manusia di negara ini, saya ingat eloklah beri laporan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk pihak Kernenterian menyiasal perkara ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1960. Tujuan undang-undang ini adalah untuk melawan ancaman Parti Komunis Malaya. Oleh kerana Parti Komunis Malaya sudah letaksenjata. sudahsurrenderpadatahun 1989, adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan undang-undang ini yang tidak ada bermakna sekarang?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak perlulah saya ulang perkara ini. Perkara ini telah saya nyatakan semasa saya mcnggulung perbincangan mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong semalam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

PEPERIKSAAN AWAM— PENCAPAIAN KELULUSAN

4. **Dr Osman Minudin** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kementerian Pendidikan sedar bahawa pencapaian kelulusan peperiksaan awam (public examination) oleh murid-murid di Sabah adalah begitu rendah berbanding dengan pencapaian murid-murid di Semenanjung Malaysia.

Adakah pihak Kementerian bersetuju bahawa pencapaian kelulusan murid-murid yang rendah ini mungkin berpunca daripada kemudahan-kemudahan pendidikan yang tidak memuaskan. Jika bersetuju, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Kalau tidak setuju, apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari pencapaian kelulusan peperiksaan awam bagi murid-murid di Sabah adalah rendah dibandingkan dengan pencapaian murid-murid negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Pencapaian kelulusan murid-murid yang rendah bukanlah semata-mata berpunca daripada kemudahan pendidikan yang tidak memuaskan. Kemudahan pendidikan di Sabah adalah di tahap yang memuaskan dan dipertingkatkan dari masa ke sernasa. Pembangunan dan perkembangan pendidikan di negeri Sabah adalah mendahului sektor-sektor pembangunan yang lain.

Pencapaian yang rendah dalam peperiksaan awam di kalangan murid-murid mungkin disebabkan oleh faktor-faktor sosio-ekonomi yang rendah, keadaan persekitaran yang tidak memuaskan, jarak antara rumah dengan sekolah yang jauh dan lain-lain faktor yang berhubung dengan keadaan diri pelajar tersebut.

Analisa keputusan peperiksaan awam menunjukkan pencapaian murid-murid di Sabah adalah meningkat dari tahun ke setahun. Misalnya, peratus pelajar yang lulus dalam peperiksaan Sijil Kendah Pelajaran (SRP) meningkat dari 48.6% dalam tahun 1980 kepada 62.3% pada tahun 1989. Sementara bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pula meningkat dari 43.8% pada tahun 1980 kepada 64.7% pada tahun 1989.

Peningkatan peratus pencapaian ini adalah berpunca dari beberapa langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Di antara langkah-langkah yang telah kita jalankan ialah:

- (i) menambahkan bilangan guru-guru yang terlatih;
- (ii) membaiki kemudahan fizikal sekolah;
- (iii) membina dan melengkapkan Pusat Sumber Sekolah;
- (iv) menambahkan bilangan asrama sekolah dan membinakan asrama desa; dan
- (v) memberi bantuan buku teks, subsidi susu dan amalan makan dan pemakanan.

PUSAT PEMULIHAN GADIS-GADIS

5. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat:

- (a) berapa buah pusat pemulihan gadis-gadis yang di bawah umur yang terlibat dengan kegiatan maksiat sejak 1986 - 1989;
- (b) nyatakan sebab-sebab yang dikesani oleh Kementerian atas penglibatan gadis-gadis di bawah umur di dalam kegiatan maksiat; dan
- (c) apakah kemajuan yang diperolehi setelah gadis-gadis ini keluar dari pusat-pusat pemulihan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ada sebanyak 5 buah pusat perlindungan yang ditadbirkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sejak tahun 1986

hingga 1989 terdapat seramai 2,092 orang gadis di bawah umur yang terlibat dengan kegiatan maksiat.

(b) Faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang gadis melibatkan diri dalam kegiatan maksiat adalah di antaranya seperti berikut:-

- perpecahan dan perbalahan keluarga;
- terpedaya oleh teman lelaki;
- kemiskinan;
- peleseran belia dan perhubungan dengan golongan yang tidak diingini;
- tertarik hati oleh pendapatan lumayan dan kemewahan hidup; dan
- lahap pelajaran yang rendah dan lain-lain.

(c) Sebanyak 90% gadis yang keluar daripada pusat pemulihan telah berjaya dipulihkan dan mereka telah memulakan penghidupan baru dengan menjalankan aktiviti perniagaan sendiri atau menjalankan sesuatu pekerjaan yang tertentu. Sebilangannya telah berjaya mendirikan rumahtangga.

Datin Ling Chooi Sieng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai gadis Malaysia yang berhijrah ke luar negeri telah ditipu dan dipaksa oleh sindiket tertentu untuk melibatkan diri dalam kegiatan maksiat. Kalau ya, apakah langkah yang telah atau akan diambil untuk memerangi kegiatan maksiat ini?

Soalan yang kedua, adakah benar apa yang dilaporkan kebelakangan ini di suratkhbar Inggeris baru-baru ini iaitu sebuah sindiket antarabangsa yang

sedang terlibat dalam kegiatan maksiat dan yang telah menipu dan memaksa gadis-gadis dalam kegiatan maksiat ini? Kalau ya, apakah langkah yang diambil oleh Yang Berhormat untuk menghapuskan sindiket ini?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan Kementerian saya untuk mengarnbitindakan. Tetapi mungkin ini adalah kes jenayah yang hendaklah dirujukkan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah program-program yang dijalankan dalam pusat pemulihan tersebut dan kedua apakah peratusan penghuni-penghuni ini yang balik ke kegiatan maksiat tersebut?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus yang kita menjalankan ialah untuk mengadakan kursus untuk menjalankan perniagaan di kedai runcit, jahitan, makanan dan sebagainya supaya bila keluar mereka boleh mengambil kerja sebagai tukang jahil, pembantu rumah dan sebagainya. Peratus gadis yang balik ke maksiat itu ialah kurang daripada 10%.

MAKANAN SEGAR PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH

6. **Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa makanan (ration) yang dibekalkan di sekolah-sekolah pendalaman di Sarawak mengikut apa yang tercatat di dalam tender makanan:

- (a) seperti bahagian ayam dan makanan-makanan tin (sardines) yang dibekal dari bandar tidak sesuai rasanya dengan pemakanan tempatan dan daripada itu murid-murid di pendalaman sentiasa tidak puas

hati oleh kerana mereka biasa makan makanan yang segar dan bahan-bahan makanan tempatan, seperti sayur-sayuran, ikan dan daging tempatan;

- (b) tidak sesuai untuk dimakan kerana makanan tersebut mengambil masa yang lama untuk dihantar dari pusat bandar ke sekotah pendalaman, keadaan ini bertambah teruk pada musim kemarau (draught) dan tengkujuh (floods); dan
- (c) mengapakah Kementerian ini tidak bertindak untuk menggalakkan pengeluaran/pembekalan makanan tumbuhan-tumbuhan tempatan oleh masyarakat tempatan dan juga oleh murid-murid sekolah di mana mereka boleh menjual hasil-hasil tanaman kepada kontraktor pemakanan sekolah yang kemudian membekalkannya kepada sekolah-sekolah;

Dalam proses begini masyarakat-masyarakat tempatan dan murid-murid sekolah boleh meninggalkan pendapatan dan menggunakan tenaga mereka dengan sepenuhnya dan ini juga boleh membanlu mereka untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Dr Leo Michael Toyad:Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian. Pendidikan sentiasa berusaha menyediakan makanan yang segar, berkhasiat dan seimbang untuk pelajar-pelajar sekolah. Walau bagaimanapun, faktor lokasi sesebuah sekolah berkenaan iaitu terletak jauh di pendalaman, ditambah pula dengan masalah pengangkutan dan kemudahan penyimpan bahan-bahan makanan tersebut masih berkurangan, menyebabkan makanan yang dibekalkan itu

kadangkala tidak segar lagi dan terpaksa diganti dengan jenis makanan dalam tin.

- (b) Mengenai dakwaan bahawa makanan yang dibekalkan itu tidak sesuai untuk dimakan kerana mengambil masa yang lama untuk sampai ke sekolah-sekolah di pendalaman, khususnya pada musim kemarau dan tengkujuh, Kementerian Pendidikan percaya dengan pembangunan infrastruktur yang lebih pesat, masalah ini akan dapat dikurangkan pada masa-masa yang akan datang.
- (c) Kementerian Pendidikan juga mengambil maklum saranan Yang Berhormat itu supaya masyarakat tempatan digalakkan untuk mengeluarkan makanan, tumbuh-tumbuhan lempatan Tetapi berhubung dengan saranan untuk menggalakkan murid-murid kita di sekolah masing-masing menghasilkan makanan dan tumbuhan-tumbuhan tempatan dan kemudian menjualkannya kepada kontraktor pemakanan sekolah, Kementerian Pendidikan berpendapat aktiviti pembelajaran perlu diberi keutamaan, lebih-lebih lagi memandangkan murid-murid kita ini datang dari kawasan luar bandar.

Tuan Billy Abit Joo:Tuan Yang di-Perlu, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rasional di belakang keputusan Kementerian untuk membahagikan pembekalan ration ke sebuah sekolah berasrama kepada beberapa pembekal mengikut item yang tertentu? Adakah sistem ini efektif atau berkesan? Jika tidak, adakah sistem baru dicadangkan untuk tahun depan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem-sistem yang kita gunakan adalah diubahsuai mengikut

keadaan-keadaan keperluan kerana mengikut keadaan-keadaan tempat sekolah dan zon-zon di kawasan-kawasan di mana kita bekalkan makanan-makanan di kawasan sekolah. Ada sekolah di pendalaman yang masih belum ada infrastruktur atau kemudahan pengangkutan yang begitu memuaskan, kita menggunakan sistem yang terasing dari sistem di kawasan bandar dan kelemahan-kelemahan yang kita kaji pada masa ini sentiasa kita awasi dan akan diubahsuai mengikut keperluan masa depan dan yang penting sekali kita utamakan pembekalan makanan-makanan yang sihat dan baik dengan tujuan untuk memberikan makanan supaya mengurangkan faktor kesihatan dari segi meningkatkan pembangunan pendidikan di masyarakat luar bandar.

KAD PENGENALAN—KELUARAN

7. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah pengesanan yang telah diambil di Jabatan Pendaftaran Negara bagi memastikan penyelewengan tidak terus berleluasa dan setakat ini berapa banyakkah kad pengenalan yang telah dikeluarkan melalui penyelewengan. Sejauh manakah Kerajaan dapat mengesan penyetewengan seperti ini di luar negeri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengeluarkan kad pengenalan mengikut peraturan-peraturan yang dketapkan. Beberapa langkah telah diambil bagi memastikan penyelewengan tidak berlaku seperti mengemaskan prosidur kerja, mengadakan sistem penyemakan dan penyeliaan yang rapi dan prosesan menggunakan komputer.

Kerajaan tiada menerima laporan kegiatan ini di luar negeri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan penyelewengan kad pengenalan ini tidak berleluasa, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat

Timbalan Menteri, bilakah jenis kad pengenalan baru sepertimana yang telah diumumkan hampir setahun lamanya akan dilaksanakan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita memberi peluang kepada orang ramai untuk menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan jenis baru ini selama enam tahun, pada masa ini Jabatan Pendaftaran Negara sibuk sekali untuk memberi kad pengenalan kepada mereka yang mencapai umur 12 tahun dan juga untuk menukarkan kad pengenalan yang compulsory, dengan izin, kepada mereka yang lebih umur 18 tahun. Dengan sebab itu, itulah sebabnya bagi orang ramai, kad pengenalan jenis baru ini lambat dikeluarkan kerana kita hendak menghabiskan dahulu. mereka yang mencapai umur 12 tahun dan memastikan bahawa mereka yang 18 tahun dapat ditukar kad yang baru. Jadi, saya fikir Yang Berhormat tunggulah dahulu untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tempoh masa yang dikatakan lambat hendak mengeluarkan kad pengenalan baru ini, saya ingin mendapat tahu berapakah masa ataupun tempoh yang dikatakan lambat itu, sebab kalau tidak silap saya, dalam Persidangan Parlimen yang lalu ada diberi kemudahan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk menukar kad pengenalan dan saya pun sudah mengambil gambar. Jadi saya bimbang takut lambat sangat, saya kena ambil gambar yang lain pula, sebab muka kita ini berubah selalu (*Ketawa*).

Saya hendak tahu dari segi tempoh jarak waktu itu, bilakah dapat dikeluarkan sebab saya difahamkan syarikat yang diswastakan untuk menyediakan kad pengenalan baru ini, katanya, syarikat yang handal yang dahulu ada timbul kontroversi, katanya syarikat yang pernah mengeluarkan kad untuk negara Israel. Betul atau tidak,

saya minta Timbalan Menteri menjawabnya. Kalau syarikat ini handal atau baguskah, kenapa lambat? Kenapa tidak dipercepatkan? Berapa kos satu kad pengenalan untuk setiap rakyat yang membuat kad pengenalan baru ini? Iiu untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama ini tadi, saya ingat selepas kita berumur 18 tahun, dia tidak bertukar, sebab saya kenal Wakil dari Pasir Mas ini 10 tahun dahulu macam itu juga (*Ketawa*), tidak benukar. Masalahnya, mesin yang baru kita tempah itu boleh mengeluarkan kad pengenalan baru sebanyak 10,000 satu hari. Bagi menukar mereka yang mencapai umur 12 tahun, bilangannya ialah hampir 350,000. Itu sahaja sudah memakan masa yang begitu lama. Begitu juga yang compulsory, dengan izin, pertukaran 18 tahun ke atas itu juga bilangannya hampir sedemikian rupa.

Jadi begitulah keadaannya, Yang Berhormat, tetapi janganlah susah hati, perkara ini kita akan laksanakan secepat mungkin dan inginlah saya menerangkan di Dewan yang mulia ini bahawa wujud sedikit kesilapan daripada syarikat ini di mana bendera yang dicap dalam kad yang pertama, jalurnya tidak cukup satu, jadi kita kenal pasli, kita minta mereka tukar supaya jalur bendera kila seperti mana yang ada pada hari ini.

Soalan yang dikatakan ada kait mengait dengan Israel itu memang benar, kerana ada sebuah syarikat yang ejennya ada di Singapura ingin menawarkan untuk menggunakan software, dengan izin, dalam mengendalikan kad ini dan apabila pegawai-pegawai di Kementerian Dalam Negeri memastikan bahawa syarikat berkenaan ada berlatar-belakangkan Israel, kita terus tidak menawarkan kerja itu kepada syarikat tersebut tetapi meminta supaya pengeluaran software ini dilakukan oleh syarikat dalam negeri supaya memastikan keselamatannya.

UMBUNGAN TENTERA LAUT DIRAJA—MENSWASTAKAN

8. Tuan Ahmadbin Norminta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sejauh manakah langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menswastakan Hubungan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Lumut, Perak;
- (b) sekiranya usaha penswastakan limbungan TLDM Lumut dijalankan bagaimanakah proses penswastakan dilakukan atau yang akan dilakukan berhubung dengan kakitangan TLDM dan pekerja-pekerja awam yang terlibat, dan syarikat swasta manakah yang akan mengambil alih limbungan tersebut; dan
- (c) apakah keperluan dan objektif Kerajaan merancang untuk membeli dua buah kapal selam bagi kegunaan pasukan TLDM.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan—

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Limbungan TLDM di Lumut, Perak akan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah syarikatmulai 1hbJanuari, 1991;
- (b) Semua pekerja di Limbungan itu sama ada dari TLDM atau pekerja awam telah diberi taklimat mengenai syarat-syarat perkhidmatan dibawah syarikatbaru itu nanti. Bagi anggota TLDM, mereka diberi pilihan sama ada terus berkhidmat dengan syarikat baru itu ataupun balik semula berkhidmat dengan TLDM. Kertas-kertas opsyen bagi memilih syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan akan diberi kepada semua pekerja tidak lama lagi. Selaras dengan

dasar penswastaaan yang diamalkan sekarang, syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan kepada semua pekerja adalah tidak berkurangan daripada apa yang mereka nikmati sekarang, malahan adalah lebih baik daripada sekarang. Syarikat yang akan mengambil alih Limbungan ini adalah Naval Dockyard Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang dibadankan di bawah Menteri Kewangan.

- (c) Selaras dengan dasar pertahanan negara dan untuk meningkatkan keupayaan TLDM mengawal kawasan EEZ negara termasuk kawasan Laut China Selatan yang merintanggi Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, maka adalah amat wajar bagi TLDM dilengkapi dengan kapal selam.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada soalan (a). Adakah Kerajaan mengambil kira aspek keselamatan apabila diswastakan? Apakah sesuatu tindakan yang diambil untuk menjamin keselamatan dari segi ketenteraan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, minta ulang-keselamatan dari segi apa?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Oleh kerana apabila diswastakan ini saya rasa melibatkan perkara-perkara keselamatan. Kerana masalah ketenteraan ini banyak perkara-perkara yang perlu diambil kira dari segi keselamatannya. Jadi, apakah suatu tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menjamin keselamatan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara keselamatan ini telah dikaji oleh Kerajaan dan kita ada mampu untuk menjaga keselamatan kapal-kapal

Angkatan Tentera kita yang akan menerima perkhidmatan di situ.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara yang sama telah kita buat kepada TUDM misalnya dengan penswastaaan Airod Sdn. Bhd. yang memberikan khidmat kepada kelengkapan kita daripada tentera udara.

PILIHANRAYA UMUM—MASA PENYIARAN BAGI PARTI POLITIK

9. **Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Penerangan menyatakan . uilakah Kerajaan akan memastikan terdapat keadilan dalam pilihanraya umum dcngan mengadakan masa penyiaran yang sama di TV dan Radio untuk semua parti politik sebagai satu prinsip dalam sistem demokrasi kita.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham tentang maksud keadilan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pelaling Jaya dalam pilihanraya umum yang lalu sedangkan perkara ini tidak pernah berbangkit dalam pilihanraya-pilihanraya sebelumnya. Istilah keadilan sendiri merupakan satu perkara yang agak relatif kerana maksud keadilan bagi pihak Pembangkang adalah jauh berbeza daripada keadilan yang dipraktikkan oleh pihak Kerajaan semenjak ianya diberi mandat oleh rakyat jelata dalam setiap kali pilihanraya.

Andai kata prinsip keadilan ini tidak ada pada Kerajaan, saya tidak nampak bagaimana rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum khususnya pengundi-pengundi dapat terus menyokong dan menegakkan Kerajaan yang ada pada setiap kali pilihanraya semenjak 33 tahun yang lalu.

Dari segi keadilan kemudahan TV dan Radio untuk semua parti politik yang mengambil bahagian dalam pilihanraya, keadilan itu memang ada.

Kementerian Penerangan telah menyediakan kemudahan "Political Broadcast" melalui Radio bagi semua parti yang mengambil bahagian dalam pilihanraya dan menafikan semua parti politik termasuk parti Barisan Nasional sendiri untuk Political Broadcast melalui TV.

Mengenai Political Broadcast melalui Radio, saya ingin menyebutkan bahawa parti Barisan Nasional mengadakan 11 kali Political Broadcast yang mengambil masa selama 107 minit; DAP 6 kali dengan masa 63 minit, Semangat 46, 10 kali dengan masa 109 minit; dan PAS 4 kali dengan masa 47 minit.

Kalau dibandingkan dengan kemudahan yang digunakan oleh parti komponen Barisan Nasional dengan parti Pembangkang, ternyata gabungan parti Pembangkang mendapat peluang sebanyak 20 kali Political Broadcast dengan jumlah masa 219 minit berbanding dengan parti komponen Barisan Nasional yang hanya menggunakan 11 kali kemudahan dan menggunakan jumlah masa sebanyak 107 minit. Dari segi ini ternyata keadilan yang dinikmati oleh parti-parti Pembangkang melalui Political Broadcast di Radio ini adalah jauh lebih sempurna dari parti Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan memang tidak menyediakan kemudahan Political Broadcast bagi mana-mana parti politik termasuk parti Kerajaan melalui TV. Namun begitu liputan mengenai kegiatan semua parti politik sepanjang tahun 1990 ini telah dibuat melalui rancangan Berita TV.

Kerajaan juga telah mengarahkan semua Rangkaian TV baik RTM mahupun TV3 menyediakan rancangan liputan setengah jam setiap hari mengenai kegiatan kempen parti-parti politik semasa pilihanraya bagi membolehkan rakyat mengikuti kempen-kempen tersebut sebelum mereka diminta membuat keputusan tentang calon-calon dan parti-parti yang mereka fikir wajar diberi mandat pada hari membuang undi.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang beliau memang ketahui bahawa Hassan Ibrahim, Ketua Pengarah RISDA berkempen secara aktif untuk Barisan Nasional dalam pilihanraya umum 1990 yang lalu ini.

Beliau juga muncul di kaca TV mengutuk parti PBS kerana meninggalkan parti Barisan Nasional. Oleh itu adalah jelas tindakan beliau itu telah melanggar Seksyen 19(2) Bab D, Perinlah Am dan juga Yang Berhormat Menteri tahu bahawa Tan Sri Ahmad Sarji telahpun menyatakan bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam Kategori A seperti Dato' Hassan Ibrahim ini tidak boleh mengambil bahagian di dalam kegiatan politik. Oleh yang demikian, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan apa tindakan diambil oleh Yang Berhormat Menteri dan hampir hari ini adakah Yang Berhormat Menteri ada membuat apa-apa laporan kepada Kabinet atau Tan Sri Ahmad Sarji, dalam hal ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nampaknya soalan Yang Berhormat agak terkeluar sedikit daripada soalan asal.

Tuan Wee Choo Keong: Bukan, ianya tidak keluar daripada soalan asal kerana ada terlibat dengan Menteri Penerangan,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ada soalan lain? Kalau tidak ada, sila duduk. Terkeluar.

Dr Kua Kia Soong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri Penerangan tahu, pihak Pembangkang tidak diberi langsung waktu siaran TV dan kenapa Kerajaan tidak setuju untuk mendirikan satu jawatankuasa penyiaran yang independent, dengan izin, seperti di negara-negara demokratik yang lain terutama Kerajaan selalu mendakwa bahawa kita mempunyai nilai moral yang lebih tinggi daripada negara-negara Barat.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikatakan pihak Pembangkang tidak diberi peluang dalam TV, saya hendak menafikan perkara ini. Ada kes-kes yang tercatat pada RTM sendiri juga pada TV3 di mana pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah diberi tugas untuk membuat liputan tentang kegiatan parti Pembangkang, mereka telah mengalami banyak pengalaman yang agak pahit. Mereka diejek, mereka dihalau, mereka dimaki-hamun (*Tepuk*) dan ada juga di antara mereka yang diancam dengan macam-macam perkataan sehingga menyebabkan mereka ini yang secara jujur hendak membuat liputan yang adil kepada semua berasa takut kerana mereka menganggap nyawa mereka terancam oleh kerana tindakan-tindakan yang saya anggap tidak wajar yang dilakukan oleh parti-parti Pembangkang sendiri.

Jadi walaupun hendak dikatakan atau hendak dituduh Kerajaan tidak memberi peluang untuk membuat liputan kegiatan-kegiatan mereka itu, dalam hubungan ini saya fikir tidak wajar parti-parti Pembangkang hendak menyalahkan Kerajaan. Sepatutnya mereka tengok diri mereka sendiri. Mereka patut menerima kesalahan sendiri kerana perbuatan mereka itu telah menyebabkan liputan yang hendak dibuat untuk mereka tidak jadi. Ada bukti-bukti yang sah yang ada di sini; saya fikir tidak payah saya sebutkan kerana mereka sendiri faham atas perbuatan mereka sendiri. Keadilan yang patut mereka terima mereka telah nafikan sendiri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun keadilan diberi, tetapi Pembangkang masih tewas, Soalan saya, bagi pihak kelab penyokong-penyokong Kerajaan, kami dapati bahawa publisiti yang diberi kepada Pembangkang adalah lebih daripada kami, jadi spakah boleh pihak Kerajaan mengurangkan sedikit publisiti di pihak Pembangkang

(*Ketawa*) dan liputan kerana kami lebih ramai daripada mereka (*Tepuk*), ini RTM juga tidak adil kepada kami—kepada penyokong-penyokong Kerajaan.

Kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk memberi liputan kepada pihak Pembangkang sama seperti Perdana Menteri pergi buka perjumpaan di sana sini, sama seperti Ketua Pembangkang atau Semangat 46, alaupun Ketua PAS pergi berjumpa dengan penyokong-penyokong mereka. Kalau ya, apakah syarat cara mereka hendak membangkang. Contohnya macam inilah, Dr Mahathir berjabat tangan dengan penyokong-penyokong dan sebagainya, kita hendak memberi publisiti kepada mungkin wakil dari Marang pula, Jadi, saya ingin tanyalah kalau sekiranya Kerajaan hendak beri kebenaran, apakah syarat yang harus dikenakan kepada mereka?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu setuju dengan soalan Yang Berhormat yang perlama. Kalau kurang diberi penerangan mengenai kegiatan Pembangkang ini, maka rakyat tidak akan tahu siapa mereka. Oleh kerana banyak liputan diberi, rakyat dapat dengan jelas mengetahui siapa mereka. Dari sebab itu rakyat menolak mereka (*Tepuk*) Sebab itu kita menang kerana rakyat sudah faham siapa yang patut diberi mandat, siapa yang tidak.

Yang sebenarnya kalau mereka hendak publisiti iebih banyak lagi boleh kita beri supaya rakyat lebih tahu siapa mereka. Jadi, masalah kalau hendak dikurangkan Pembangkang, hendak tambahkan Kerajaan, saya fikir dari segi pengalaman yang ada lebih baik kita 'expose'kan mereka sebanyak-banyaknya supaya rakyat benar-benar faham dan dapat membuat keputusan yang bijak seperti yang berlaku dalam pilihanraya yang lalu.

Mengenai soalan kedua, kalau hendak disamakan tokoh-tokoh Pembangkang dengan Perdana Menteri, saya fikir tidak bolehlah kerana Perdana Menteri diberi kuasa penuh oleh rakyat untuk

memerintah, takkan sama kedudukan Perdana Menteri dengan Ketua-ketua Pembangkang, jadi, dari segi layanan media pun saya fikir tidak boleh sama. Namun begitu, kalau mereka dapat menunjukkan sikap yang baik, tidak melalak, tidak melolong, tidak maki hamun orang yang bekerja untuk membuat liputan untuk mereka, saya fikir perkara ini boleh kita timbang pada masa-masa hadapan, tetapi selagi perangai tidak berubah, saya fikir kalau saya arah macamana pun pegawai-pegawai saya untuk membuat liputan, mereka akan takut, kalau dahulu mereka dimaki, kali ini dikhuatiri mereka dipukul pula nanti. Saya kena jaga kepentingan pegawai-pegawai dan kakitangan saya.

RATU CANTIK MISS ALL NATIONS 1990—PERBELANJAAN

10. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan yang dibiayai oleh Kerajaan bagi tujuan menganjurkan pertandingan ratu cantik Miss All Nations 1990 di Kuala Lumpur; dan
- (b) sejauh manakah pertandingan ratucantikMissAllNations 1990 itu memberi sumbangan ke arah membina kebudayaan yang berteraskan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, pertandingan ratu cantik Miss All Nations yang diadakan baru-baru ini adalah dianjurkan oleh sebuah syarikat swastadimanapenglibatanKementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah cuma sekadar memberikan khidmat nasihat dan penyelarasan sahaja dan tidak langsung melalui sumbangan kewangan.

Bagi soalan (b), oleh kerana acara ini adalah satu projek pelancongan yang bertujuan memperkenalkan Malaysia di peringkat antarabangsa, maka ianya tidak memberi sumbangan secara langsung kepada pembinaan Kebudayaan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, unsur Kebudayaan Kebangsaan telahpun diperkenalkan melalui penonjolan warisan sejarah seperti Kota Melaka dan beberapa tempat menarik di Kuala Lumpur dan juga melalui pertunjukan kebudayaan yang dipersembahkan sewaktu pertandingan itu diadakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut apa yang dijelaskan tadi bahawa Kerajaan tidak terlibat kecuali memberi khidmat nasihat. Saya kira pertandingan ratu cantik ini bertenangan elengan nilai-nilai Islam. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang disebut tadi, ini untuk memperkenalkan Malaysia di peringkat antarabangsa di kalangan orang-orang cantik. Apa kata kalau pelancong mari di sini tengok ramai yang tidak cantik? (*Ketawa*). Jadi, dari segi objektifnya saya rasa, dari segi hendak memperkenalkan Malaysia melalui orang cantik tidak sampai maksudnya dengan mengadakan pertandingan ratu cantik ini. Jadi, minta Yang Berhormat menjelaskan soalan ini. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, program ini cuma merupakan antara banyak program untuk memperkenalkan nama Malaysia. Selain daripada pertandingan ratu cantik ini, Kementerian dan juga pihak swasta telahpun mengadakan banyak program yang melibatkan kebudayaan, melibatkan banyak perkara yang ada kaitan dengan negara kita untuk memperkenalkan nama kita kepada orang-orang di seluruh dunia, maka ini cuma merupakan satu sahaja antara banyak program yang kita jalankan ataupun memberikan sokongan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat sekejap tadi bahawa peranan Kementerian Kcbudayaan, Kesenian dan Pelancongan ialah untuk memberi nasihat. Apa yang saya tahu pada malam yang sama telah diadakan tahlil di atas kematian Tun Hussein Onn dan juga saya dapati banyak Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin negara kita pada malam itu bertahlil di malam Miss All Nations di bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra. Apa yang ingin saya tahu, apakah khidmat nasihat yang telah diberikan oleh Kementerian berkenaan terhadap malam itu dan saya cukup-cukup merasa kesal di atas sikap pemimpin-pemimpin negara kita yang tidak menghormati di atas kematian Tun Hussein Onn pada malam tersebut, yang sepatutnya pihak pemimpin kita yang telah melaung-laungkan untuk menerapkan nilai-nilai Islam tidak akan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan adat istiadat Melayu (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan Yang Berhormat tidak bersangkutian secara langsung dengan soalan asal.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih.

INPLASI—MENGAWAL KEDUDUKAN

11. Tuan Kerk Kint Hock tntina Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal inflasi dan kos kenaikan kehidupan khususnya selepas berlakunya Krisis Teluk.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sentiasa mengawal kedudukan inflasi di negara kita ini. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk

mengurangkan tekanan inflasi termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati. Kerajaan juga selalu mengawal harga barang-barang keperluan untuk memastikan bahawa harga-harga tidak meningkat dengan pesat.

Bank Negara juga mengawal bekalan wang untuk memastikan bahawa mudah-tunai tidaklah berlebihan. Dengan itu tekanan atas harga-harga akan dikurangkan. Tambahan pula, dengan kestabilan nilai ringgit, kadar inflasi di negara kita ini dijangka tidak meningkat dengan sebegitu pesat.

PENUNTUT MALAYSIA DI JEPUN/KOREA—PRESTASI

12. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan minta Perdana Menteri menyatakan prestasi semua penuntut Malaysia yang belajar di Jepun dan Korea dan bidang jurusan pelajaran mereka dengan terperinci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, sejak Dasar Pandang ke Timur dilaksanakan pada tahun 1982, seramai 704 orang pelajar telah dihantarkan negeri Jepun dan 171 ke Republik Korea Selatan. Daripada jumlah tersebut seramai 541 mengikuti pengajian di peringkat uniwjer Siti dan yang selebihnya mengikut kursus di peringkat kolej teknik.

Sehingga ini seramai 235 orang pelajar telah menamatkan pengajian mereka dari negeri Jepun dan 73 dari Republik Korea Selatan. Manakala pelajar yang gagal ialah 10 daripada Jepun dan 4 daripada Republik Korea Selatan iaitu lebih kurang 1.6%. Daripada calon-calon yang menamatkan pengajian di peringkat universiti, seramai 9 orang telah melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan seorang di peringkat Ph.D. Lebih kurang 80% adalah dalam jurusan Sains dan Teknikal seperti Kejuruteraan (Elektrik,

Elektronik, Jentera, Mekanikal, Kimia, Logam dan lain-lain) dan yang selebihnya adalah mengambil bidang aliran Sains Sosial seperti bidang Ekonomi, Pentadbiran Perniagaan, Perhubungan Antarabangsa, Perdagangan dan lain-lain.

Berdasarkan perangkaan-perangkaan yang dinyatakan tadi, pada keseluruhannya prestasi pelajar-pelajar yang dihantar ke Negeri Jepun dan Republik Korea Selatan adalah memuaskan, meskipun pelajar-pelajar itu p.ada- peringkat permulaannya menghadapi masalah penguasaan Bahasa Jepun atau Korea dan tahap Matematik yang tinggi di negara tersebut.

Tuan Chor Chee Heung: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sila Yang Berhormat Menteri menjelaskan berapa penuntut di antara penuntut Malaysia yang belajar di Jepun dan Korea mendapat bantuan penuh seperti biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan kita. Jika ada, berapa penuntut yang mendapat biasiswa ini adalah penuntut yang beragama Islam dan berapa yang tidak beragama Islam.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun Kerajaan menghantar 100 pelajar Malaysia ke peringkat Universiti di Jepun dan 50 di Kolej Teknik, semuanya dibiayai oleh Kerajaan dan di Korea Selatan 10 pelajar untuk peringkat Universiti dan 10 untuk Kolej Teknik. Kebanyakan pelajar-pelajar yang saya sebutkan tadi adalah dari kaum bumiputera. Kementerian Pelajaran Negeri Jepun telah memberi biasiswa yang digelar 'Mombushu Scholarship', dengan izin, untuk pelajar-pelajar yang lulus Tingkatan 6 dari sekolah kita di Malaysia dan boleh dikatakan semuanya dari keturunan bukan bumiputera.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berapa ramai pegawai yang menjaga hal ehwal pelajar

di Negeri Jepun khususnya kerana, untuk makluman, saya pernah menjadi pelajar di negara Jepun selama dua tahun, agak berbeza dengan negara Eropah kerana kemudahan kebajikan kehidupan seharian pelajar di sana agak sukar dengan bahasa di Nihongo di sana, di mana-mana juga yang agak memberi kesukaran kepada pelajar. Oleh yang demikian, apakah Kerajaan dapat memikirkan penambahan bilangan pegawai untuk kebajikan pelajar-pelajar di negara Jepun.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil perhatian cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah. Masa sudah cukup untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mului.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 25 adalah seperti di bawah ini)

ARRIYING PASSENGERS DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

13. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Y.B. Menteri sedar kesulitan yang sedang dihadapi oleh 'arriving passengers' di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang berhubung dengan pengangkutan barangan mereka ke kereta-kereta dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin dalam tempoh satu bulan atau pendek lagi;
- (b) walaupun satu skim 'eskalator' akan dibina, bukannya sistem ini sepatutnya disiapkan sebelum

kesulitan seperti di atas dialami oleh penumpang-penumpang dan bukannya masa yang telah dijadualkan untuk pembinaan ini agak panjang; dan

- (c) sewaktu pembinaan eskalator tersebut sedang dijalankan bolehkah pihak polis bertimbang rasadngan tidak memberi begitu banyak 'summons' kereta-kereta penumpang oleh kerana mereka tidak ada cara lain, selain daripada menunggudijalanraya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Jalan 'access' dibahagian 'Lower Concourse' telahpun dibuka semula pada bulan Oktober 1990 untuk kenderaan awam dan masalah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tidak timbul lagi. Untuk makluman Yang Berhormat tindakan untuk menutup jalan 'access' berkenaan adalah oleh kerana terdapat ramai orang melanggar peraturan yang melarang kenderaan awam diletak di jalan 'access' berkenaan dan menimbulkan berbagai masalah kepada pihak penguatkuasaan khasnya semasa waktu sibuk. Namun untuk tujuan penyelesaian penumpang-penumpang yang tiba, jalan 'access' itu telahpun dibuka semula.
- (b) Untuk tujuan mengatasi masalah yang disebutkan tadi, Jabatan Penerbangan Awam akan mengadakan 'eskalator' dan 'trolley ramp' tidak lama lagi untuk memudahkan penumpang-penumpang yang menggunakan kawasan berkenaan. Setelah kemudahan-kemudahan baru yang disebutkan itu diadakan, pihak Kerajaan akan mengkaji semula sistem jalan 'access' berkenaan demi memberi penyelesaian kepada penggunaan lapangan terbang.

- (c) Pembinaan 'eskalator' yang dicadangkan tidak akan menjejaskan sistem lalulintas di kawasan ketibaan Bangunan Terminal I, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Dalam hal ini, ingin saya memaklumkan bahawa pihak Polis di lapangan terbang sentiasa bertimbangrasa sebelum mengeluarkan saman kepada pemandu-pemandu. Mereka hanya memberi saman sekiranya terdapat pemandu-petnandu memakirkan kenderaan trclalu lama dan menghilangkan diri dari kawasan berkenaan. Terdapat juga pemandu-pemandu diberi saman oleh kerana mereka enggan mematuhi arahan yang diberi oleh pihak Polis. Tindakan yang tegas ini harus diambil untuk mengelakkan kesesakan di jalan 'access' berkenaan yang menimbulkan berbagai masalah bukan sahaja bagi pihak lapangan terbang tetapi juga penumpang-penumpang yang lain.

**LEBUHRAYA BATU 32 KE
TELUPID—PEMBINAAN**

14. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah tarikh baru pembinaan Lebuhraya Batu 32 ke Telupid akan dijangka siap?
- (b) sama ada sedar atau tidak bahawa semua pekerja yang diambil oleh Daewoo Kontraktor untuk menjaga "Gate" di sepanjang lebuhraya adalah *orang asing*, sedangkan kerja ini boleh dilakukan ataupun dikerjakan oleh penduduk tempatan;
- (c) tindakan Kementerian agar kontraktor yang berkenaan dapat menggantikan penjaga "Gate" itu kepada orang tempatan;

- (d) bilakah kerja pengaspalan ke atas jalan raya Pekan Beluran ke simpang Batu 36 Lebuhraya Batu 32 ke Telupid akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya
(Datuk Peter Tinggom Kamarau):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jalan raya Batu 32 Sandakan ke Telupid dilaksanakan di dalam 2 package. Package A1 dijangka siap pada 30 April 1992 dan Package A2 tarikh siap ialah 30 Jun 1991.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang benar kontraktor Daewoo mengambil pekerja-pekerja asing untuk menjaga "Gate", tetapi dengan syarat mereka mempunyai permit kerja. Ini adalah kerana penduduk-penduduk tempatan kurang berminat dalam bidang kerja-menjaga "Gate".
- (c) Kementerian hanya akan mengambil tindakan sekiranya pihak kontraktor melanggar syarat-syarat perjanjian.
- (d) Projek pengaspalan jalan raya Pekan Beluran ke simpang Batu 36 Lebuhraya Batu 32 Sandakan ke Telupid akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam jika peruntukan diluluskan.

PEMAKAIAN TANJAK—FATWA

15. Tuan Mohamad bin Sabu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar tentang adanya fatwa yang disiarkan oleh televisyen dan akhbar berhubung dengan bentuk tanjak yang dipakaikan ke kepala Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah oleh Keiua

Menteri Sabah dan apakah ia telah dirujuk dulu kepada Majlis Patwa Kebangsaan sebelum disiarkan;

- (b) adakah Majlis Patwa Kebangsaan bercadang untuk bersidang untuk membincangkan perkara itu. Jika ya bila. Dan jika tidak, mengapa.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kalaupun benar ada disiarkan melalui televisyen dan akhbar mengenai pemakaian tanjak, ini adalah merupakan pandangan individu yang berkenaan dan Jawatankuasa Patwa Kebangsaan tidak bercadang untuk membincangkan perkara ini.

**DEKAN DAN TIMBALAN DEKAN
—PERLANTIKAN**

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyaikan:

- (a) sebab-sebab mengapa di kebelakangan ini, seorang Dekan dan seorang Timbalan Dekan, masing-masing di Pakulti Kejuruleraan dan Pakulti Pergigian, Universiti Malaya, ditarik balik perlantikan mereka ke jawatan-jawatan tersebut. Siapakah pula yang akan dilantik menyandang jawatan-jawatan •iii. Apakah kelebihan calon baru, terutama sekali di segi ketayakan akademik, pengalaman berkhidmat dan sumbangan kepada kaji selidik, berbanding dengan kedua-dua orang Profesor yang dilucutkan jawatan mereka; dan
- (b) berasaskan kepada bidang kekuasaan yang manakah pemangku Timbalan Dekan yang telah ditetapkan. Berasaskan faktor-faktor yang manakah sesuatu perlantikan itu boleh digugurkan-. Apakah peruntukan yang tersedia wujud bagi mereka yang digugurkan merayu menentang keputusan tersebut.

Jika tidak ada, mengapa. Adakah perlucutan jawatan tanpa memberi apa-apa sebab itu sah diperlakukan di bawah perundangan atau garis panduan mengenai tindakan sebegini.

- (c) apakah pula asas-asas di bawah mana seseorang Naib Canselor boleh dipecat? Apakah prosedur-prosedur yang mesti diikuti bila tindakan sedemikian diambil? Apakah penjelasan Kerajaan bagi perletakan jawatan Naib Canselor, Prof Syed Hussein Al Attas? Apakah pula penjelasan Prof. Syed.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jawatan Dekan dan Timbalan Dekan sekarang sedang dipangku oleh pensyarah yang mempunyai kelayakan dan keupayaan untuk memimpin fakulti tersebut. Perlantikan Dekan dan Timbalan Dekan adalah dipilih daripada ahli-ahli akademik yang dapat memenuhi hasrat kecemerlangan yang diharap-harapkan daripada semua universiti. Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan akan sentiasa berusaha mendapatkan ahli-ahli fakulti yang berkaliber untuk memimpin fakulti-fakulti berkenaan.
- (b) Perlantikan atau perlucutan jawatan Dekan atau Timbalan Dekan boleh dilakukan oleh Naib Canselor sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 18 Perlembagaan Universiti. Tindakan seperti ini dilakukan bagi memastikan universiti berkenaan dapat berfungsi dengan berkesan dan efektif.
- (c) Naib Canselor Universiti Malaya diberi cuti penyelidikan dan diikuti dengan cuti khas. Oleh itu persoalan pemecatan atau perletakan jawatan oleh Prof. Dr Syed Hussein Al Attas sebagai Naib Canselor belum timbul.

KAMPUS BARU UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

17. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai masalah kampus baru Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah ketiadaan bekalan air paip dan kawalan keselamatan yang kurang elok dan menjejaskan keselamatan 3,310 penuntut-penuntut UUM, terutamanya penuntut wanita;
- (b) bagaimana masalah seperti ini boleh berlaku dan kos perbelanjaan untuk mengatasi masalah ini;
- (c) mengapakah keputusan boleh dibuat untuk berpindah ke Sintok sedangkan masalah tersebut masih wujud; dan
- (d) siapakah yang bertanggungjawab ke atas keputusan untuk berpindah.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kekurangan bekalan air di kampus tetap UUM, Sintok, Kedah telah dapat diatasi dengan segera selepas punca masalah ini dikenalpasti. Pihak UUM telah menggunakan cara 'Direct Connection' untuk memperolehi bekalan yang mencukupi kepada semua pelajar di kampus tersebut. Bagi memperbaiki kawalan keselamatan pihak pentadbir UUM telah mengarahkan supaya:
- (i) Semua pekerja kontraktor, kakitangan perundangan dikehendaki menggunakan pas keselamatan untuk memasuki kampus;
- (ii) Pelajar-pelajar bergerak secara kumpulan dan

tidak bercampur dengan pekerja-pekerja/buruh binaan;

- (iii) Sistem keselamatan elektronik (Electronic Surveillant) dipasang untuk mencegah pencerobohan; dan
 - (iv) Jumlah kakitangan pengawal keselamatan termasuk dari Pasukan Polis Hutan ditambah.
- (b) Masalah-masalah ini berlaku berikutan kontraktor yang membina 'Reservoir' di UUM telah dimansuhkan kerana projek yang dikendalikannya tidak berjalan dengan baik. Disamping itu tempoh perpindahan ke kampus tetapnya di Sintok berlaku dalam masa yang agak singkat. Kos perbelanjaan bagi mengatasi masalah ini adalah termasuk di dalam kos asal projek.
- (c) Perpindahan pelajar ke kampus tetap UUM di Sintok dibuat kerana Kampus Sementara Jitra perlu digunakan bagi Institut Perguruan Darulaman yang menempatkan guru-guru pelatih Maktab Perguruan Lembah Pantai Kuala Lumpur dan Institut Aminuddin Baki cawangan Jitra.
- (d) Keputusan bagi perpindahan ini telah diputuskan oleh Kementerian Pendidikan.

HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN—KAWALAN

18. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengawal harga barang-barang keperluan kesan dari Krisis Teluk.

7.7.9

6. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah Kementerian menyedari bahawa dalam suasana para Menteri menyeru supaya harga barang jangan dinaikkan tetapi, para pengguna terus mengalami harga barangan yang tinggi;
- (b) apakah yang dapat dibuat oleh Kementerian bagi menjadikan unit kawalan suatu badan yang berkesan; dan
- (c) apakah pada pandangan Menteri yang menyebabkan nasihat dan tindakan unit kawalan harga tidak mendapat perhatian peniaga. Dan bagaimana hendak mengatasinya.

10.1.91

7. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah Kementerianya bercadang untuk menyenaraikan lebih banyak lagi barangan terkawal dan bila akan berbuat demikian berikutan dengan tindakan pekedai-pekedai runcit menaikkan harga barangan keperluan dengan sewenang-wenangnya.

25.7.97

12. Dato' K. Kumaran minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal kenaikan harga barangan terkawal dan yang tidak terkawal sepanjang masa;
- (b) sama ada Kerajaan akan membuat serbuan mengawal harga sepanjang masa dan bukannya hanya semasa perayaan-perayaan sahaja seperti yang dibuat sekarang; dan
- (c) jumlah barangan yang dirampas kerana melanggar peraturan pada tahun ini.

8.2.91

7. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan akan menaikkan harga barang-barang keperluan harian. Nyatakan juga sama ada Kerajaan sedar di kampung-kampung luar bandar harga barang-barang ini mulai naik semenjak selepas pilihanraya 21 Oktober lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat (Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood) yang dijadualkan pada 7.1.1991; Yang Berhormat dari Alor Setar (Tuan Chor Chee Heung) pada 10.1.1991; Yang Berhormat dari Tapah (Dato' K. Kumaran) pada 28.1.1991 dan Y.B. dari Seputeh (Tuan Liew Ah Kim) pada 8.2.1991 kerana semua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Sebelum saya menjelaskan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan harian, wajarlah diingatkan bahawa negara kita mengamalkan sistem perdagangan bebas di mana harga sesuatu barangan biasanya ditentukan oleh bekalan dan permintaan di samping faktor-faktor lain seperti kos pengeluaran, kos pengangkutan, perubahan kadar tukaran mata wang asing dan sebagainya. Campur tangan Kerajaan dalam menentukan bekalan dan harga barangan seharusnya pada tahap yang minimum sahaja. Biar pun demikian, Kerajaan sentiasa dan akan terus mengambil langkah-langkah yang berterusan dan berkesan untuk menentukan:

- (a) barang-barang keperluan harian mudah diperolehi di pasaran dengan harga yang munasabah dan berpatutan dalam setiap keadaan; dan

- (b) kenaikan harga barangan hanya dilakukan atas sebab-sebab yang munasabah serta tidak dapat dielakkan dan kadar kenaikannya tidak membebankan.

Kerajaan sedar harga beberapa barang-barang perlu naik dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dinyatakan, Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengambil berbagai langkah untuk mengatasinya. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, minyak petrol, minyak disel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen dan bar bulat keluli lembut, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Dalam menetapkan harga sesuatu barangan, Kerajaan telah mengkaji semua aspek dengan tujuan untuk menentukan harganya munasabah, berpatutan dan tidak menimbulkan apa-apa implikasi yang negatif. Kajian ini dijalankan berterusan dan jika didapati perlu, harga barang-barang ini akan diturunkan. Begitu juga sebaliknya. Buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan harga barang-barang ini. Pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut ke atas setiap peringkat perniagaan dijalankan untuk menentukan barang-barang berkenaan tidak dijual dengan harga yang melebihi daripada harga yang telah ditetapkan.

Bagi barang-barang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Ianya ditentukan oleh peniaga-peniaga sendiri. Namun demikian, langkah-langkah untuk menentukan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya telah dan akan diambil melalui satu sistem pengawasan berterusan yang meliputi:-

- (a) mewajibkan penjual-penjual runcit meletakkan tanda harga pada 111 jenis barang-barang yang dipamerkan untuk jualan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang gagal mematuhi. Tujuan

tanda harga ini ialah untuk memudahkan pengguna mengenalpasti dan membuat perbandingan harga runcit sesuatu barangan. Di samping itu, perubahan harga sesuatu barangan juga akan mudah dikesan;

- (b) mengisytiharkan sebanyak 20 jenis barang-barang perlu sebagai barang kawalan sepanjang masa dan sebanyak 25 jenis lagi barangan sebagai barang kawalan di musim-musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Tujuannya ialah untuk menentukan bekalan barang-barang ini termasuk bahan-bahan mentahnya sentiasa mencukupi di pasaran dan secara tidak langsung harganya dapat distabilkan.
- (c) mendapatkan kerjasama pengeluaran-pengeluar dan pengimpot-pengimpot menentukan 'recommended price' sebagai panduan;
- (d) mengawalselia aktiviti jualan murah;
- (e) mempertingkatkan pemeriksaan dan pengawasan termasuk menggerakkan bilik gerakan di setiap Pejabat Cawangan Kementerian bagi memudahkan orang ramai membuat aduan mengenai kenaikan harga dan membolehkan tindakan segera diambil ke atas setiap aduan yang diterima; dan
- (f) melaksanakan program mempertingkatkan kesedaran pengguna dan gerakan kepenggunaan yang positif;

Kerajaan akan mengkaji senarai barang-barang yang diwajibkan diletak tanda harga dan barang-barang kawalan, dan akan menambah bilangannya jika didapati perlu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bukanlah

dijalankan di musim-musim tertentu sahaja. Pemeriksaan-pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan termasuk pasar-pasar malam dan pasar-pasar basah dijalankan secara berterusan. Dalam tahun 1990, iaitu sehingga 30.11.1990 sebanyak 101,500 pemeriksaan ini telah menghasilkan 3,358 kes dengan nilai rampasan berjumlah kira-kira \$1.4 juta.

Pada pandangan Kerajaan, pengawasan yang dijalankan adalah berkesan dan dapat membendung kenaikan harga yang tidak munasabah dan berpatutan, sungguhpun harga kebanyakan barang tidak dikawal oleh Kerajaan. Jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain, harga barang-barang di negara kita adalah rendah.

SKIM CEPAT KAYA—ADUAN

19. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pada awalnya, di merata tempat terdapat pihak polis enggan menerima aduan atau laporan yang terbabit dengan skim cepat kaya, dan

- (a) berapa laporan dapat dicatat oleh pihak polis hingga setakat ini;
- (b) bilangan orang dan jumlah wang pelaburan dapat dikesan bagi skim tersebut;
- (c) bilangan agen dan pelabur adalah kakitangan Kerajaan; dan
- (d) tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak polis terhadap skim tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pada 5.12.1990 di Dewan ini saya telahpun menjawab soalan yang sama dari Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai. Di samping itu Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah menjawab soalan mengenai perkara yang sama dari Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai. Dengan itu saya tidaklah bercadang untuk menambah jawapan yang telah diberi.

PEKERJA ELEKTRONIK — KESATUAN SEKERJA DALAMAN

20. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejak Kerajaan meluluskan penubuhan kesatuan dalaman bagi pekerja-pekerja elektronik:

- (a) berapakah jumlah kesatuan dalaman di kilang-kilang elektronik telah berjaya ditubuh atau didaftarkan setakat ini;
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi membantu serta menggalakkan pekerja-pekerja elektronik menubuhkan kesatuan sekerja; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian terhadap majikan-majikan yang bersikap anti penubuhan kesatuan sekerja di kilang-kilang elektronik yang terdapat berbagai usaha dijalankan oleh majikan untuk menghalang, mengancam dan menakut-nakutkan pekerja dari menubuhkan kesatuan dalaman.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):

- (a) Setakat ini, sudah ada 3 buah kesatuan sekerja dalaman yang berdaftar bagi pekerja-pekerja elektronik.
- (b) Kesatuan sekerja adalah pertubuhan sukarela dan terpujanglah kepada pekerja-pekerja sendiri hendak menubuhkannya. Oleh yang demikian Kerajaan cuma boleh menasihatkan mereka serta memberi panduan jika mereka ingin menubuhkan kesatuan sekerja.
- (c) Adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 jika mana-mana majikan menghalang, mengancam atau menakut-nakutkan pekerja-

pekerja dari menubuhkan kesatuan sekerja. Sebarang aduan terhadap perkara itu boleh dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk tindakan yang sewajarnya.

KAD PENGENALAN BIRU KEPADA PENDATANG HARAM

21. Tuan George Sangkin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa selain daripada meminta orang ramai membuat aduan polis terhadap rungutan orang ramai tentang sindiket-sindiket pemberian kad pengenalan biru kepada pendatang-pendatang haram di Sabah, apakah lagi langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk membendung masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian sendiri melalui Jabatan Pendaftaran Negara dan dengan kerjasama Jabatan Imigresen serta Polis DiRaja Malaysia dari masa kesemasa membuat siasatan sendiri mengenai perkara ini.

PAKATAN JAHAT MEMBAWA SABAH KELUAR DARI MALAYSIA

22. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak penahanan 4 rakyat Malaysia dari Sabah di bawah ISA pada bulan Mei tahun ini, termasuk Pengerusi 'Sabah Air' Encik Benedict Topin, sudahkah pihak Kerajaan mendapat alasan-alasan yang mencukupi untuk membuktikan mereka benar-benar terlibat dengan dakwaan untuk membawa keluar Sabah dari Malaysia. Kalau tidak, bilakah mereka akan dibebaskan. Kalau ya, kenapakah Kerajaan tidak membicarakan mereka di mahkamah berdasarkan bukti-bukti yang didapati.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pihak Kerajaan mempunyai bukti dan alasan yang cukup tentang kewujudan kumpulan yang terlibat dalam satu

pakatan jahat untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia secara kekerasan bersenjata. Penangkapan dan penahanan empat orang yang berkenaan dilaksanakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 bagi menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara. Oleh kerana penglibatan mereka membabitkan soal-soal keselamatan maka pihak Kerajaan tidak bercadang mengemukakan kes ini di mahkamah terbuka.

LAYANAN BANDUAN—LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASAT

23. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa selepas siasatan Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri mendakwa dua pegawai penjara, iaitu Encik Jamaluddin Abdul Hamid dan seorang lagi yang melanggar undang-undang Penjara, Jabatan Penjara pula mendakwa dua pegawai penjara itu dengan memberhentikan perkhidmatan mereka yang terlibat dalam kes Skandal Abdullah Ng. Dan kenapa keputusan laporan siasatan Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri tidak dituruti serta laporan penuh tidak diumumkan kepada orang ramai.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Atas persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Laporan Jawatankuasa Penyiasat Mengenai Layanan Banduan di Penjara Pusat Kajang telahpun diumumkan sepenuhnya kepada orang ramai pada 16 November, 1989. Tindakan terhadap pegawai-pegawai yang bersalah telah diambil oleh pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan yang mempunyai penuh kuasa dan budibicara terhadap mereka itu.

DRAF RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN

24. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengapa ahli-ahli Dewan Rakyat tidak diberikan Draf Rang

Undang-undang/Akta Pendidikan baru;

- (b) apakah Akta Pendidikan baru ini tidak akan dibentangkan di dalam Dewan Rakyat sebelum laporan Majlis Perundingan Akta Pendidikan disiapkan dan diterima cadangan-cadangan oleh pihak Kerajaan; dan
- (c) apakah Kerajaan akan menerima cadangan daripada Majlis Perundingan Akta Pendidikan. Jika tidak, bukankah penubuhan Majlis ini menjadi usaha yang sia-sia dan membazirkan masa dan wang rakyat.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Draf Rang Undang-undang Pendidikan baru masih dalam perbincangan dan tertakluk kepada pindaan-pindaan. Oleh itu Rang Undang-undang itu belum dapat diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.
- (b) Majlis Perundingan Akta Pendidikan ditubuhkan untuk meneliti Rang Undang-undang Pendidikan baru dan mengemukakan ulasan dan cadangan yang sesuai. Oleh itu Rang Undang-undang itu tidak wajar dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebelum Majlis tersebut selesai menjalankan tugasnya.
- (c) Cadangan-cadangan yang membina oleh Majlis tersebut tentu sekali akan diterima oleh Kerajaan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa berdasarkan kepada lima sidang yang telah diadakan, saya dapati Majlis tersebut sangat berguna dan tidak sia-sia seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

MAJLIS GAJI KEBANGSAAN

25. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan

oleh kerana Malaysia kini pesat membangun sebagai sebuah negara perindustrian tidakkah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Majlis Gaji Kebangsaan (National Wage Council) bagi menentukan prinsip-prinsip dan penetapan gaji pekerja-pekerja dari masa ke semasa.

Dato' Lim Ah Lek: Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebuah Majlis Gaji Kebangsaan (National Wage Council) bagi menentukan prinsip-prinsip dan penetapan gaji di negara ini oleh kerana sistem penetapan gaji yang diamalkan sekarang iaitu melalui rundingan di antara pekerja dan majikan atau melalui rundingan bersama (Collective Bargaining) di antara Majikan dan Kesatuan Sekerja tertentu berjalan dengan baik dan lancar.

Walaupun bagaimanapun sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan telah menyediakan satu jentera di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 untuk menetapkan gaji minima bagi para pekerja berkenaan melalui Majlis Penetapan Gaji khususnya bagi sektor-sektor industri tertentu yang tidak diwakili dengan secukupnya oleh kesatuan sekerja, atau yang tidak mempunyai jentera perundingan bersama yang mencukupi. Setakat ini 5 buah Majlis Penetapan Gaji telah ditubuhkan di bawah Akta ini. Golongan-golongan pekerja yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Pembantu-pembantu kedai di Semenanjung Malaysia;
- (ii) Pembantu-pembantu kedai di Sarawak;
- (iii) Pekerja-pekerja hotel dan perhidangan;
- (iv) Pekerja-pekerja pawagam; dan
- (v) Pekerja-pekerja pemungkah kapal dan pengendali muatan kapal di Pulau Pinang,

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

Bacaan Kali Yang Pertama

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah yang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada 14hb Disember, 1990.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DISATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember, 1991 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan permulaan tahun 1991 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1991 diluluskan kelak oleh kedua-dua Dewan dan mendapat persetujuan Diraja pada tahun hadapan. Peraturan ini adalah mengikut Perkara 102(a) Perlembagaan.

Rang Undang-undang ini ialah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan jumlah wang sebanyak \$6,003,436,020 yang dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh 4 bulan yang pertama tahun 1991.

Jadual kepada Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk masa itu.

Perbelanjaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini tidaklah termasuk perbelanjaan tanggungan yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tidak dikehendaki untuk diluluskan oleh Rang Undang-undang Perbekalan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan, bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1991

3.40 *ptg.*

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Usul yang dibuat atas nama Menteri Kewangan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, menetapkan bahawa sejumlah wang yang tidak lebih daripada \$3,247,605,030 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1990, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1991 diluluskan,

Oleh kerana Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1991 tidak akan dibincangkan dan diluluskan oleh Dewan ini sehingga selepas bulan Januari 1991, maka adalah perlu peruntukan disediakan untuk Kerajaan membiayai segala perbelanjaan yang mustahak pada awal tahun hadapan sehingga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1991 dibentang dan diluluskan dalam Dewan ini.

Peraturan membentangkan dalam Dewan Rakyat penyata sementara yang menunjukkan jumlah-jumlah wang yang perlu dibelanjakan terhadap tiap-tiap maksud perbelanjaan sebelum anggaran tahun itu diluluskan adalah mengikut

seksyen 4(5) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi masa sementara dari 1hb Januari 1991 sehingga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1991 diluluskan oleh Dewan ini ialah \$3,247,605,030 seperti yang diterangkan dalam Kertas Perintah Bil. 25 Tahun 1990.

Sepertimana yang telah dinyatakan, peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan sementara ini bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan bagi awal tahun hadapan sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1991 diluluskan oleh Dewan ini.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya Usul ini dipertimbangkan mengikut prosedur yang sama seperti yang dipakai bagi menimbang Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan 1990 iaitu perkara-perkara dasar dan tadbir Kerajaan untuk tujuan-tujuan perbelanjaan-perbelanjaan itu tidak dibahaskan. Ini adalah kerana Ahli-ahli Yang Berhormat akan berpeluang untuk membahaskannya apabila Anggaran Perbelanjaan tahun 1991 dibentangkan dan terbuka untuk perbincangan mulai minggu hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Saya mohon menyokong,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, menetapkan bahawa sejumlah wang yang tidak lebih daripada \$3,247,605,030 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun

kewangan 1991 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1990, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetetangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1991 diluluskan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, menetapkan bahawa sejumlah wang yang tidak lebih daripada \$3,247,605,030 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1990, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetetangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1991 diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 DAN 1990) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.45 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang terscbul itu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$1,068,084,310 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kelima 1989 adalah berjumlah \$1,343,312,527. Dari jumlah ini sebanyak \$600,000,000 diminta diluluskan di bawah Pasal 2 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$743,312,527 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada Perbekalan Undang-undang tertentu. Tambahan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Pasal 2 Rang Undang-undang tersebut sebanyak \$600,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 Peruntukan kepada Kumpulan-wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kelima 1989 ini boleh didapati dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibenihkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14A Tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1990 adalah berjumlah \$468,280,810. Dari jumlah ini

sebanyak \$468,084,310 diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini yang mana sebanyak \$90,878,710 adalah diperiukan berikutan daripada penyusunan semula tugas-tugas Kementerian dan juga agensi yang berkuatkuasa mulai 27hb Oktober 1990, iaitu selepas penubuhan Kabinet baru.

Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membolehkan Kementerian, agensi yang lcribai dengan penyusunan semula membuat penyelarasan akaun tahunan bagi tahun 1990. Maklumat lanjut mengenai peruntukah tambahan yang melibatkan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian-kementerian, dan juga agensi adalah dihuraikan mengikut Maksud Bekalan masing-masing. Sebanyak \$196,500 lagi adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada Perbekalan Undang-undang tersebut.

Peruntukan Tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak \$94.8juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26, Kementerian Pendidikan bagi membiayai perbelanjaan seperti berikut:

- (1) Sebanyak \$18.6 juta ringgit untuk menjalankan latihan dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang terlibat dengan pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dan Kemahiran Manipulatif di sekolah rendah dan Kursus Peningkatan Keilmuan Profesionalisma Perguruan bagi guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Dua Tanggagaji, Perkhidmatan Guru.
- (2) Sebanyak \$22.3juta adalah untuk menampung pelaksanaan Kadar Baru Bantuan Per Kapita kerana kadar yang lama tidak dapat memenuhi keperluan sekolah-sekolah.

- (3) Sebanyak \$1.6 juta adalah untuk menampung pembelian peralatan bagi melaksanakan Kemahiran Manipulatif di sekolah-sekolah rendah. Peralatan-peralatan tersebut amat diperlukan bagi membolehkan murid-murid menggunakan daya kreatif untuk membuat sesuatu.
- (4) Sebanyak \$16.3 juta adalah untuk membiayai pembayaran tunggakan elaun lebih masa kepada kakitangan tertentu di sekolah menengah dan rendah,
- (5) Sebanyak \$40 juta adalah untuk diberi sebagai bantuan kepada institusi-institusi pengajian tinggi bagi menampung bayaran tunggakan elaun lebih masa, kenaikan gaji kakitangan universiti dan lain-lain.

Tambahan sebanyak \$68.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.19—Kementerian Pertanian untuk menampung perbelanjaan berikut:

- (1) sebanyak \$67.7 juta adalah untuk membayar balik wang pendahuluan yang dibuat oleh Lembaga Padi dan Beras Negara daripada sumber kewangannya sendiri bagi membayar subsidi harga padi akibat daripada kekurangan peruntukan tahunan bagi tempoh 1980- 1988.
- (2) Sebanyak \$0.5 juta adalah untuk perbelanjaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan, Tahun 1990.

Tambahan sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 - Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dicarumkan kepada Kumpulanwang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana. Tujuan Tabung ini diwujudkan ialah untuk memoden dan mempertingkatkan keupayaan industri kecil dan sederhana melalui empat skim

yang telah dipersetujui dengan jumlah peruntukan setiap satu seperti berikut:

- (1) Skim Kajian Kemungkinan—\$5 juta.
- (2) Skim Pembangunan Rekabentuk dan Produk - \$20 juta.
- (3) Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti - \$20 juta.
- (4) Skim Pembangunan Pemasaran \$5 juta.

Tambahan sebanyak \$37.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34—Kementerian Kesihatan untuk menampung perbelanjaan seperti berikut:

- (1) Sebanyak \$2.4 juta adalah untuk Program Lawatan Mesra dan Pembekalan Susu Tepung Penuh Krim kepada kanak-kanak kurang zat makanan dan yang miskin di bawah program pembangunan rakyat termiskin.
- (2) Sebanyak \$1.5 juta adalah untuk langkah-langkah kawalan wabak taun di Kelantan dan Sabah dan juga bagi kawalan wabak demam kepala di Kedah dan di Johor.
- (3) Sebanyak \$0.6 juta adalah untuk Program Kawalan dan Pencegahan Penyakit AIDS.
- (4) Sebanyak \$2.2 juta adalah untuk Program Pengesanan Penagihan Dadah Melalui Ujian Air Kencing.
- (5) Sebanyak \$12 juta adalah untuk menampung kenaikan harga dan kegunaan ubat-ubatan.
- (6) Sebanyak \$18.5 juta adalah untuk bayaran tunggakan Elaun Khidmat Awam dan Elaun Pakar Perubatan.

Tambahan sebanyak \$34.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.33—Kementerian Perusahaan Awam untuk membiayai perbelanjaan mengurus agensi-agensi yang diletakkan di bawah ini dari Kementerian Pembangunan Luar

Bandar dan Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian/Agensi yang berkuatkuasa mulai 27hb Oktober, 1990. Agensi-agensi yang diambilalih oleh Kementerian Perusahaan Awam ialah MARA dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Pusat Khidmat Kontraktor dan Unit Pembangunan Usahawan dari Jabatan Perdana Menteri.

Tambahan sebanyak \$31.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.54—Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai perbelanjaan mengurus agensi-agensi yang dilelakkan di bawah Kementerian dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian/Agensi yang berkuatkuasa mulai 27hb Oktober, 1990. Agensi-agensi yang lelah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Pihakberkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara.

Tambahan sebanyak \$28.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36—Polis DiRaja Malaysia untuk membiayai perbelanjaan Pasukan Polis DiRaja Malaysia bagi meningkatkan keupayaannya menjamin keadaan ketenteraman awam serta mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Tambahan sebanyak \$26.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.18—Kementerian Perusahaan Utama untuk membiayai sumbangan Kerajaan kepada Akaun Stok Penimbal Getah bagi Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO). Sumbangan tersebut adalah untuk membiayai pembelian getah yang dibuat oleh Pengurus Stok Penimbal INRO bagi menstabilkan harga getah.

Tambahan sebanyak \$16 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.21—Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menampung kekurangan peruntukan perbelanjaan mengurus bagi Program Tahun Melawat Malaysia 1990.

Tambahan sebanyak \$10.4 juta adalah dikehendak di bawah Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (1) Sebanyak \$4.7 juta adalah untuk menampung perbelanjaan tambahan bagi menganjurkan Kursus dan Latihan Kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya mengikut keperluan pindaan Akta Pilihanraya dan pembelian alat-alat kelengkapan.
- (2) Sebanyak \$2.9 juta adalah untuk menampung pembelian komputer bagi meningkatkan keupayaan komputer di Suruhanjaya Pilihanraya.
- (3) Sebanyak \$1.7 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum Negeri Sabah pada bulau Julai 1990.
- (4) Sebanyak \$1.1 juta adalah untuk menampung perbelanjaan tunggakan elaun Khidmat Awam kakitangan Kumpulan A, B, C dan D termasuk kakitangan sambilan, elaun kehormat bagi pegawai-pegawai yang menjalan tugas Urusan Pendaftaran dan Penyemakan Daftar Pemilih dua kali setahun.

Tambahan sebanyak \$9.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.9—Jabatan Perangkaan untuk membiayai kerja-kerja persediaan Banci 1991 dan Banci Percubaan. Banci Percubaan telah dijalankan pada bulan Ogos, 1990 manakala Banci 1991 akan dilaksanakan pada bulan Ogos 1991. Tambahan sebanyak \$9 juta adalah dikehendaki di

bawah Maksud B.42—Jabatan Percelakan Negara untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (1) Sebanyak \$3.1 juta adalah bagi menampung perbelanjaan Gawangan Percetakan Keselamatan (CPK) bagi tempoh dari 1hb Januari, 1990 hingga 30hb April, 1990. Mulai 1hb Mei 1990 CPK telah menjadi entiti swasta.
- (2) Sebanyak \$5 juta adalah bagi menampung perbelanjaan percetakan borang-borang Kastam 1 dan 2 untuk Jabatan Kastam dan lain-lain dokumen penting Kerajaan.
- (3) Sebanyak \$0.9 juta adalah bagi menampung bayaran tunggakan Elaun Khidmat Awam.

Tambahan sebanyak \$8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29—Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membayar balik premium kepada Ascot Sports Sendirian Bhd. setelah syarikat berkenaan mengembalikan lesen perjudian mereka kepada Kerajaan.

Tambahan sebanyak \$6.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.58—Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, untuk membiayai perbelanjaan mengurus Kementerian ini yang baru diwujudkan berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian dan agensi yang berkuatkuasa mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$5.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.61—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, bagi membiayai perbelanjaan mengurus berikutan Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dari Kementerian Dalam Negeri mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$4.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.53—Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, bagi membiayai perbelanjaan mengurus agensi yang diletakkan di

bawah Kementerian ini dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian, agensi mulai 27hb Oktober, 1990. Agensi yang dipindahkan ke Kementerian ini ialah Jabatan Pembangunan Koperasi.

Tambahan sebanyak \$4.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.46—Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bagi membiayai perbelanjaan mengurus agensi-agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990. Agensi-agensi yang diambilalih oleh Kementerian dari Jabatan Perdana Menteri ialah Unit Tenaga Nuklear, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS).

Tambahan sebanyak \$4.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.52—Kementerian Kerjaraya, untuk perbelanjaan berikut:

- (i) Sebanyak \$1.9 juta untuk membiayai pembelian komputer mikro bagi mempercepatkan proses penyediaan bayaran kemajuan kontrak dan pengurusan projek-projek pembangunan;
- (ii) Sebanyak \$1.6 juta untuk menampung semula pembelian kereta baru atau menggantikan kereta lama bagi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik; dan
- (iii) Sebanyak \$0.8 juta untuk menampung perbelanjaan bagi menganjurkan Pertandingan Ketukangan pada bulan Jun 1990.

Tambahan sebanyak \$4.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, untuk membiayai perbelanjaan bagi penubuhan Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan yang baru di Vietnam, perbelanjaan kerana

pertukaran pegawai/kakitangan di pejabat-pejabat Suruhanjaya Perdagangan di luar negeri, bayaran "fee" perkhidmatan kepada SIRIM; bayaran Emolumen pegawai dan juga kakitangan MIDA; pembelian kereta dan Sistem "Barco" untuk Bilik Gerakan dan juga Bilik Persidangan.

Tambahan sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.60—Jabatan Perpustakaan Negara, untuk membiayai perbelanjaan mengurus berikutan Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan dari Kememernian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam penyusunan semula tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$1.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.44—Kememernian Penerangan, untuk membiayai pembelian kenderaan dan alat-alat kelengkapan di bawah Program Perkhidmatan Penerangan dan Perkhidmatan Penyiaran.

Tambahan sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.17—Kementerian Belia dan Sukan, untuk membiayai aktiviti-aktiviti tertentu yang telah dikenalpasti di bawah Program Belia yang turut melibatkan Majlis Belia Malaysia dan Majlis-majlis Belia Negeri.

Tambahan sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.59—Jabatan Perpaduan Negara, untuk membiayai perbelanjaan mengurus berikutan Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dari Jabatan Perdana Menteri dalam penyusunan semula tugas-tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$1.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.28—Perbendaharaan, untuk membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga Pembangunan Langkawi yang telah ditubuhkan pada awal tahun 1990.

Tambahan sebanyak \$1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba, untuk pembelian peralatan bomba bagi Pasukan Bomba Sukarela yang telah dikenalpasti kawasannya dan juga untuk menggantikan alat-alat yang telah rosak yang digunakan oleh Pasukan Bomba Sukarela yang sedia ada.

Tambahan sebanyak \$0.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 15—Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, untuk membiayai tunggakan gaji, Elaun Khidmat Awam, pembelian alat hawa dingin dan kenderaan serta membiayai program baru iaitu Program Pengawasan dan Penyelarasan Taman Awam.

Tambahan sebanyak \$0.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.51—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi membiayai perbelanjaan mengurus agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Jabatan Perdana Menteri berikutan dengan penyusunan semula tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990. Agensi-agensi yang berkenaan ialah Bahagian Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1990 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah ISA tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1990. Peruntukan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1990 adalah berjumlah \$3,138,525,692 yang mana sebanyak \$479,591,492 adalah diperlukan berikutan daripada penyusunan semula tugas-tugas Kementerian yang berkuatkuasa mulai 27hb Oktober, 1990, iaitu selepas penubuhan Kabinet baru.

Peruntukan ini adalah diperlukan bagi membolehkan Kementerian, agensi-agensi yang terlibat dengan penyusunan semula tugas-tugas membuat pelarasan akaun tahunan bagi tahun 1990. Maklumat lanjut mengenai peruntukan tambahan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian adalah dihuraikan mengikut Maksud Pembangunan masing-masing. Dari keseluruhan peruntukan tambahan yang berjumlah \$3,138,525,692 itu, sebanyak \$2,911,005,416 adalah perbelanjaan secara langsung dan \$227,520,276 adalah perbelanjaan pinjaman.

Peruntukan tambahan yang diminta adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek berikut:

Tambahan sebanyak \$1,877.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.28—Perbendaharaan, bagi perbelanjaan berikut:

- (i) Sebanyak \$1,135 juta adalah untuk pembelian saham Bank Bumiputera Malaysia Berhad daripada Petroleum Nasional Berhad;
- (ii) Sebanyak \$500 juta adalah untuk pembelian saham Syarikat Telekom Malaysia Berhad;
- (iii) Sebanyak \$225 juta adalah untuk pembelian saham Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) daripada Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Bhd. (HICOM); dan
- (iv) Sebanyak \$17.3 juta adalah untuk membiayai pembangunan Pulau Langkawi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$7.8 juta adalah untuk membiayai projek Bekalan Air Pulau Langkawi; \$2.7 juta untuk pengambilan balik tanah bagi tapak Kompleks Sukan Daerah Langkawi; sebanyak \$1.8 juta lagi adalah untuk pembelian alat pembersihan serta kerja-kerja pembersihan pantai Pulau tersebut; dan bakinya sebanyak

\$5 juta adalah sebagai pinjaman bagi pembinaan chalet di Teluk Burau.

Tambahan sebanyak \$388.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.54—Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sebanyak \$13.8 juta daripada jumlah tersebut adalah untuk menampung projek pembangunan yang sedia ada, manakala bakinya sebanyak \$374.7 juta adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi agensi-agensi yang dilelakkan di bawah Kementerian ini dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi, berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian sejak 27.10.1990.

Tambahan sebanyak \$349 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.25—Kementerian Pertahanan untuk pembelian alat-alat kelengkapan pertahanan bagi Tentera Udara dan peralatan gunasama bagi ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera.

Tambahan sebanyak \$132.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.34 - Kementerian Kesihatan untuk membiayai bayaran pembinaan 8 buah Kospital Nuklius dan sebuah Pusat Cardio-Thoracic, Hospital Besar, Kuala Lumpur, 8 buah Hospital Nuklius yang sedang dalam pelaksanaan itu ialah Hospital-hospital Daerah Kulim, Batu Pahat, Kuala Pilah, Sungai Siput, Sabak Bernam, Kulai, Port Dickson dan Segamat. Projek-projek ini dilaksanakan secara turnkey. Peruntukan tambahan ini adalah juga untuk menampung peningkatan kos projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Tambahan sebanyak \$98 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.26—Kementerian Pendidikan, bagi perbelanjaan seperti berikut:

Sebanyak \$45 juta adalah untuk bayaran kemajuan Kampus Tetap Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Sebanyak \$14.5 juta adalah untuk pembelian alatan mengajar tambahan Kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Sebanyak \$3.6 juta adalah untuk perbelanjaan bagi pembinaan Pusat Islam iaitu masjid dan baikpulih bangunan Fakulti Kedokteran Veterinar dari Sains Penternakan yang terbakar di Universiti Pertanian Malaysia.

Sebanyak \$3.1 juta adalah untuk bayaran kemajuan tiga Kampus Universiti Sains Malaysia, iaitu Kampus Minden, Kampus Sri Iskandar, Ipoh dan Kampus Kubang Krian, Kota Bharu.

Sebanyak \$2.9 juta adalah untuk pembelian alatan mengajar dan untuk pembinaan pagar di tapak Hospital Pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras.

Sebanyak \$28.9 juta ialah untuk pembelian peralatan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan institusi pendidikan tinggi bagi projek-projek yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Intensification of Research in Priority Areas. Pecahan peruntukan tambahan \$28.9 juta ini adalah seperti berikut:

- (i) Universiti Teknologi Malaysia \$11.7 juta;
- (ii) Universiti Malaya \$5.8 juta;
- (iii) Universiti Pertanian Malaysia \$5 juta;
- (iv) Universiti Kebangsaan Malaysia \$3 juta;
- (v) Universiti Sains Malaysia \$2.6 juta; dan
- (vi) Institut Teknologi MARA \$0.8 juta.

Tambahan sebanyak \$77.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.33—Kementerian Perusahaan Awam untuk tujuan membiayai projek-projek pembangunan agensi-agensy yang diletakkan di bawah Kememerian ini dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian yang berkuatkuasa mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$57.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.27—Kementerian Luar Negeri untuk bayaran kemajuan kerja-kerja pembinaan semula bangunan Canseri, Rumah Kediaman Rasmi Ketua Perwakilan dan pangsapuri bagi kakitangan Perwakilan Malaysia di Tokyo, Jepun dan untuk membiayai pemasangan stesen Radio Diplomatik HF di Kuala Lumpur, Cairo, Colombo, Islamabad, Riyadh, Baghdad, Rangoon dan Warsaw.

Tambahan sebanyak \$48 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.52—Kementerian Kerja Raya untuk perbelanjaan seperti berikut:

- (i) sebanyak \$12 juta adalah untuk pembinaan jalan dan jambatan Pulau Lumut;
- (ii) sebanyak \$26 juta adalah untuk perbelanjaan rekabentuk, kerja-kerja ukur dan pengambilan balik tanah projek jalan alternatif bagi (a) Lebuhraya Persekutuan, (b) Lebuhraya Shah Alam/Lingkar Tengah dan (c) Lebuhraya Hubungan Utara/Selatan.
- (iii) sebanyak \$10 juta sebagai pinjaman untuk projek Bekalan Air Kuala Terengganu Peringkat II dalam tahun 1990.

Tambahan sebanyak \$43.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.36—Polis Di-Raja Malaysia untuk pembelian dan pembinaan 9,486 unit rumah anggota Polis Di-Raja Malaysia dalam tahun 1990.

Tambahan sebanyak \$16.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$9.7 juta adalah untuk membiayai Projek-projek Kecil di kawasan Penguasa Tempatan, Program Bersih dan Indah di kawasan-kawasan bandar dan pekan-pekan kecil dan bakinya sebanyak \$6.5 juta ialah sebagai pinjaman

untuk projek Pembentungan Najis di Pantai Utara Pulau Pinang, Seremba dan Port Dickson.

Tambahan sebanyak \$ 13.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.48—Jabatan Penerbangan Awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$8.4 juta untuk pembelian alat-alat pemaliman udara. Kerja-kerja pembaikan landasan, padang terbang Pulau Tioman, pembelian 3 buah jentera bomba dan bakinya sebanyak \$4.9 juta sebagai pinjaman bagi kerja-kerja pengubahsuaian Terminal 1 dan 2 Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Tambahan sebanyak \$10.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.46—Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, untuk membiayai projek-projek pembangunan agensi-agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$9.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.44—Kementerian Penerangan untuk menyiapkan Studio Baru dan Stesen Pemancar Alor Setar, penubuhan 3 stesen Radio Tempatan di Seremban, Shah Alam dan Kangar dan pemasangan alat pemancar FM Radio.

Tambahan sebanyak \$6.5 juta di bawah Maksud P.60—Jabatan Perpustakaan Negara untuk membiayai projek-projek pembangunan berikutan Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam penyusunan semula tugas-tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$5.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.61—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk membiayai projek-projek pembangunan berikutan Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Dalam Negeri dalam penyusunan semula tugas-tugas Kementerian mulai 27.10.90.

Tambahan sebanyak \$2.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.53—Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk membiayai projek-projek pembangunan agensi yang dileiakkan di bawah Kementerian ini dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.51—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai projek-projek pembangunan yang diletakkan di bawah Kementerian ini dari Jabatan Perdana Menteri berikutan penyusunan semula tugas-tugas Kementerian mulai 27hb Oktober, 1990.

Tambahan sebanyak \$0.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.17—Kementerian Belia dan Sukan untuk pembinaan Asrama Belia di Port Dickson.

Tambahan sebanyak \$0.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.58—Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membiayai projek pembangunan Kementerian ini berikutan dengan penubuhannya pada 27hb Oktober, 1990.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbaharuan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16A Tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA, 1990

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, jnembuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$3,138,525,692 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1990 untuk menampung sejumlah \$3,138,525,692 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1990 dan yang disenaraikan berseparatan dengan Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa se-buah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawalankuasa sebuah-buah Majlis sekarang.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.23 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan pada hari ini telah memulakan tugas dan saya cukup senang hati sekali bukan sahaja Timbalan Yang di-Pertua ini layak tetapi suara pun merdu dan saya sukalah mengucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) dan usul yang lelah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi. Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang kerana jika ada perkara-perkara yang saya rasa wajar, saya turut memberi pandangan, insya Allah, saya akan mengambil bahagian di peringkat perbincangan Jawatankuasa tetapi sekarang ini sukalah saya menyentuh

beberapa perkara yang saya anggap mengenai dengan dasar di dalam usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita telah mendengar dan meluluskan Usul Ucapan Takziah kepada Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Saya telah mengikuti dengan teliti perbahasan Usul Ucapan Takziah kepada Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Sudah banyak kata-kata indah telah dikeluarkan tetapi melalui usul ini juga saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan peruntukan segera sama ada melalui peruntukan Belanjawan 1991 yang akan dibentangkan kelak supaya Kerajaan menimbang di atas kemungkinan untuk mewujudkan suatu memorial Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selbagai mengenang jasa dan pengorbanan Yang Teramat Mulia Tunku kepada negara kita Malaysia yang kita kasihi ini.

Memorial ini hendaklah diletakkan di tempat yang sewajarnya, di kawasan yang mudah dikunjungi oleh seluruh rakyat dan pengunjung-pengunjung luar sebagai simbol kebanggaan negara kita bagi mengenang jasa Bapa Malaysia dan Bapa Kemerdekaan ini.

Kedua, saya sukalah mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya diwujudkan sebuah Kerusi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Universiti Malaya iaitu Universiti tertua bagi negara kita, khusus bagi mengkaji dan mengembangkan ilmu pengetahuan mengenai demokrasi, hubungan etnik dan hak asasi manusia di Malaysia iaitu bidang yang paling banyak diperjuangkan oleh Tunku sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua cadangan ini saya kemukakan sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, mewakili rakyat saya di Pasir Mas dan saya percaya akan mendapat sokongan semua Ahli-ahli

Dewan yang berada di dalam Dewan pada hari ini. Dan suka juga saya mempertegaskan di sini kerana semalam saya ada mengikuti dengan terperinci ucapan-ucapan bersabit dengan Usul Takziah kepada Almarhum Tunku dan saya ada mendengar salah satu ucapan, yang kebetulan dalam rakan-rakan dalam Angkatan Perpaduan Ummah iaitu rakan saya daripada PAS. Walaupun kita bersama-sama dalam Angkatan Perpaduan Ummah, sebagai sebuah parti politik sudah barang tentu kita mempunyai perbezaan dalam pendapat-pendapat tertentu. Ada disebut semalam bahawasanya Yang Teramat Mulia Tunku di akhir hayat memperjuangkan Islam iaitu menerima Islam sebagai addiin. Konsep dan prinsip Angkatan Perpaduan Ummah memang berasaskan kepada konsep Islam sebagai addiin. Dan perkara ini bukan perkara luar biasa, sebab kita telah menerima Islam ini sejak kita tahir lagi.

Begitu juga saya percaya Yang **Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** tidak berbeza dalam soal prinsip yang diperjuangkan selama ini. Maka tidaklah benar kalau hendak mengatakan bahawa Tunku di akhir hayatnya menerima Islam sebagai addiin manakala sebelum ini tidak memperjuangkan Islam. Saya rasa saya bertanggungjawab sebagai Ahli Dewan Rakyat untuk mempertegaskan sikap saya sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi membersihkan pada pandangan saya sikap dan pandangan seluruh rakyat terhadap perjuangan Yang Teramat Mulia Tunku selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini supaya Almarhum yang telah pergi, tinggal kita buat selama-lamanya tidak timbul conflict dari segi kajian sejarah nanti, yang kita hendak ialah supaya jasa dan pengorbanan Tunku itu dikenang, dihayati oleh seluruh anak bangsa Malaysia, bukan lagi persoalan pertentangan pendapat mengenai dengan sikap dan perjuangan Tunku selama ini.

Saya pernah mengatakan dalam Dewan yang mulia ini dahulu dan sekarang sebagai Ahli Dewan Rakyat, saya tidak bersentimen sangat di atas parti yang kita wakili. Kita berada di dalam Dewan ini untuk menjalankan tanggungjawab kita. Tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat. Bagi saya, saya mempertegaskan di sini, yang benar tetap benar, yang perlu kita sokong—kita sokong, yang perlu kita tegur—kita tegur. Apa yang dibuat oleh Kerajaan yang kita anggap baik dan boleh memberi faedah kepada rakyat walaupun kita bukan dalam parli Kerajaan, insya Allah, kita akan beri sokongan yang tidak berbelah bagi. Samalah juga saya harap sikap positif daripada rakan-rakan kita dalam Kerajaan supaya mana-mana teguran dancadanganataupunkritikanjanganlah dianggap itu sebagai suatu pertentangan untuk mencari retak membawa belah. Segala-galanya kita berkhidmat untuk mencari Faedah dan kebaikan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebenar tadi, saya dapati ada tiga perkara atau tiga kategori yang mengambil peruntukan yang begitu banyak. Kalau disimpulkan dengan secara ringkas, yang pertama ialah banyaknya peruntukan ini untuk pembelian saham iaitu yang melibatkan peruntukan yang diperlukan oleh Perbendaharaan P.28 Perbendaharaan, Butiran 02600—Pembelian Saham Proton Daripada HICOM. Butiran 02700—Pembelian Saham Bank Bumiputra Malaysia Berhad daripada PETRONAS dan juga Butiran 02800—Pembelian Saham Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Begitu juga ada peruntukan yang diperlukan untuk pembelian alat-alat kelengkapan bagi Kementerian Pertahanan, terutamanya bagi kegunaan Tentera Di Raja kita. Dan yang ketiga banyaknya peruntukan ialah akibat dari-

pada perubahan Kementerian-kementerian disusun semula kerana wujudnya Kementerian-kementerian baru selepas pilihanraya umum ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal perkara dasar, sukalah saya menyentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$225 juta dikehendakki untuk membiayai pembelian saham perusahaan Automobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) daripada Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM)—\$225 juta. Samalah juga dipclrukan \$1,135 juta untuk pembelian saham Bank Bumiputra daripada Pclroleum Nasional Berhad ataupun PETRONAS dan \$500 juta untuk Telekom.

Yang saya hendak kemukakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, semua peruntukan ini dibcri untuk membiayai agensi-agensi Kerajaan, Sekarang ini syarikat-syarikat yang mengendalikan projek-projek tersebut dikendalikan oleh Kerajaan, oleh agensi Kerajaan yang terlibat. Dan Kerajaan juga sedang menjalankan projek-projek penswastaaan. Dan banyak sudah program-program penswastaaan dijalankan, saya percaya projek ini juga dalam proses penswastaaan. Oleh kerana terlalu banyak wang rakyat telah digunakan untuk projek yang dimaksudkan tadi, yang suatu hari nanti akan diswastakan, yang penting yang mesti diambil kira oleh pihak Kerajaan ialah memastikan segalapelaburan yang telah dikeluarkan ini bukan sahaja dapat dikembalikan kepada Kerajaan, malah keuntungannya berlipat ganda, iaitu supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Yang kita bimbang dan pernah berlaku selama ini adanya projek-projek ataupun agensi yang telah dijalankan oleh Kerajaan menggunakan ataupun dibiayai oleh Kerajaan mendapat peruntukan daripada Kerajaan, untung berlipat ganda diswastakan dengan sewenang-wenangnya, diagih-agihkan kepada golongan-golongan tertentu dan bukan sahaja Kerajaan tidak mendapat

balik modal yang telah dikeluarkan, malah rakyat sendiri lurut mengalami kerugian. Oleh itu, saya ingin mencadangkan oleh kerana banyak kritikan-kritikan berlaku sebelum ini, saya ingin mencadangkan supaya apabila berlaku proses penswastaan terhadap syarikat-syarikat yang besar ini yang melibatkan ratusan ataupun ribuan juta ringgit ini dipertanggungjawabkan terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Agihan saham selama ini dibuat oleh Kementerian Kewangan dan saya tahu Majlis Kewangan Negara dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Kritikan sudah barang tentu dituju kepada pihak Kerajaan dan Kerajaan dipimpin oleh Perdana Menteri. Saya kira sudah sampai masanya masalah yang besar seperti ini, agihan saham kepada mana-mana pihak bukan sahaja hendak dibuat dengan betul, terperinci dan adil dan harga yang berpatutan diberitahu kepada umum dan ditentukan sendiri oleh jawatankuasa yang dibentuk di bawah Majlis Kewangan Negara, tidak lagi di bawah tanggungjawab seorang Menteri ataupun jawatankuasa di Kementerian Kewangan.

Saya hendak menyebut contoh, Tuan Yang di-Pertua, penswastaan PEREMBA sebagai contoh. PEREMBA adalah anak syarikat kepada Pcrbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang sebelum ini diizinkan oleh undang-undang mengambil tanah-tanah baru di bandar-bandar untuk dimajukan dan tanah-tanah rakyat dimilikki oleh UDA dan UDA menyerahkan pula kepada PEREMBA sebagai anak syarikat kepada UDA, dan dibayar tanah-tanah tersebut di atas anggaran yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Tetapi tanah-tanah yang dimilikki oleh PEREMBA hari ini sudah diswastakan. PEREMBA itu sudah diswastakan termasuk bangunan di Jalan Tun Razak (Jalan Pekeliling) yang dahulu kita tengok dengan megah

bangunan PEREMBA, hari ini Bangunan RHB (Rashid Husin Bhd.). Rakyat Udak tahu bahawa PEREMBA, bangunan ini telah diswastakan.

Kita bukan menentang soal dasar penswastaan. Tidak ada siapa yang menentang kalau ianya membawa kebaikan kepada rakyat dan kepada negara. Tetapi alih-alih kita tahu sudah diambil alih oleh RHB. Kenapa tidak ada public offer, diiklan siapa hendak beli, siapa yang mempunyai tawaran yang tertinggi, dipanggil pre-qualification secara terbuka, dipertandingkan sebagaimana tender terbuka. Maka sudah barang tentu akan dapat dipilih berasaskan kepada yang berupaya, yang menawarkan harga yang baik, yang boleh menguntungkan Kerajaan, yang mengambil wang daripada rakyat untuk menjalankan projek tersebut, itu contoh. Boleh lagi beri contoh-contoh yang lain. Tetapi sudah sampai masanya semua pengagihan saham dan penjualan ini mesti dibuat oleh jawatankuasa khas yang diwakili oleh semua pihak, bukan sahaja di kalangan orang-orang profesional, jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi apa pun yang dikemukakan yang pasti dan yang penting ialah mesti ditentukan bahawasanya berlaku keadilan dalam projek-projek penswastaan apabila ianya hendak diswastakan. Sebagai contoh, peruntukan tambahan ini lidak sedikit sama ada untuk PROTON, sama ada Bank Bumiputra yang kita tahu. Kenapa \$1,000 juta diperlukan kerana terlalu banyak bad debts. Bad debts terlalu banyak, \$1,000 juta lebih. Pernah saya baca dalam laporan yang sekarang sampai hari ini lidak bolch dipungut. Begitu juga dengan Telekom yang sudahpun diswaslakan.

Jadi, perkara ini saya bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai perkara dasar, perkara asas, sebab apa pun yang hendak dibuat oleh Kerajaan, bukan soal kita tidak bersetuju, kalau pun ada pandangan dan krilikan. Satu, buat cara baik, cara betul, cara professionalism, kedua tidak ada penyelewengan, yang

ketiga semua rakyat dapat faedah, pasti ianya tidak akan menjadi masalah pada masa akan datang. Tetapi perkara-perkara macam ini sering dibangkitkan, perkara seperti ini sering dirungut oleh rakyat. Maka sudah sampai masanya Kerajaan mengkaji semula approach dan dasar ke arah penswastaan syarikat-syarikat gergasi ataupun agensi-agensi yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya saya hendak sebut di sini ialah mengenai dengan peruntukan untuk Kementerian Pertahanan. Tambahan sebanyak \$199 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian alat kelengkapan Tenlera Udara Kementerian Pertahanan, Butiran (Projek) 00600. Ini banyak, tetapi mungkin tidak mencukupi. Selama ini pun kita tidak pernah mempersoalkan beberapa jumlah yang diperlukan untuk pertahanan negara. Yang saya hendak tarik perhatian ialah pengalaman negara kita sebelum ini di waktu Kerajaan membeli Skyhawk yang tersadai di Padang Arizona.

Saya tidak tahu sama ada yang baki sudah dijual ataupun belum, Tetapi yang dibawa masuk dahulu, jatuh walaupun ada jaminan sebelum itu tidak jatuh, dan segala-gala kuasa daripada Allah laala, takdir Allah taala yang menentukan. Tetapi saya baca kenyataan daripada pihak pegawai Angkatan Tentera dalam akhbar, betul tidak betul, itu laporan. Katanya untuk beli kapal terbangkah ataupun alat-alat perang, kita mempunyai peruntukan. Tetapi peruntukan untuk maintenance tidak cukup. Katakanlah beli satu kapal selam harga seribu juta ringgit. Sudah tentulah perbelanjaan untuk menjaga satu kapal selam itu banyak. Tetapi peruntukan untuk menjaga kapal selam tidak cukup. Maka sebab itulah dibeli alat-alat ganti yang tidak sesuai, dengan jenis jet pejuang ataupun apa-apa kelengkapan tentera tidak sesuai, alat ganti tidak cukup, tidak cukup duit. Maka sebab itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada

pihak Kementerian Pertahanan, alat kelengkapan yang diperlukan oleh Tentera Udara ini dibeli di mana \$199 juta ini. Cukup atau tidak sebagaimana permintaan daripada pihak Angkatan Tentera. Kalau pihak Angkatan Tentera mengemukakan cadangannya dengan professionalism, kalau perlu tambah, saya sokong, tetapi dengan syarat mestilah tidak ada penyelewengan. Beri dengan cara yang betul. Sebab Kementerian Pertahanan pun juga menjadi satu Kementerian yang sering dipercakapkan oleh rakyat mengenai dengan pemberian tender dan sebagainya. Ini mesti dipastikan supaya biarlah peruntukan itu sesuai dengan alat-alat tentera yang kita beli selama ini. Janganlah pulaharganya \$1,000 juta, tetapi bila hendak servis dihantar ke Jalan Chan Sow Lin ataupun asalnyakita beli spare-parts screw itu daripada luar negeri, akhirnya tidak cukup duit kita suruh kedat di Jalan Setapak buat. Maka inilah jadinya. Yang menjadi mangsa—takdir, takdirilah, tetapi kita tengok apa yang berlaku dahulu, berapa rarnai di kalangan anak-anak watan negara kita yang berpangkat Jeneral terbunuh akibat daripada kejatuhan kapal terbang tersebut.

Saya kata tadi itu takdir, tetapi kita cuba elakkan, cari jalan elakkan, pastikan biarlah takdir itu kalau boleh, kalau hendak berlaku juga, berlakulah apa boleh buat. Tetapi jangan akibat daripada kelemahan-kelemahan yang pernah kita ketahui sebagaimana yang dirungut oleh pihak Angkatan Tentera sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya hendak bangkitkan ialah bersabit dengan....saya tiada teks, saya pakai keluar dalam kepala sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, perkara yang saya hendak bangkitkan ialah Kementerian Belia dan Sukan. Kita ada Menteri baru yang saya percaya boleh menjalankan tugas dan saya sudah baca kenyataan-kenyataan—cukup bersemangat sejak menjadi Menteri ini—hendak merealisasikan idea

idea belia dan sebagainya—\$1.5 juta. Saya harap kalau tidak cukup, cakup tidak cukup, saya hendak sokong bagi cukup. Tetapi yang saya hendak sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya program-program belia ini mestilah direalisasikan mengikut kehendak-kehendak nasional kita. Kita sudah dengar banyak sangat masalah belia negara kita—ke arah keruntuhan akhlak dan moral, malah semangat untuk berjuang, semangat patriotik sudah tidak ada lagi.

Saya masih ingat di waktu kebangkitan belia pada tahun 1970an dahulu, waktu Menteri Pendidikan dahulu menjadi Presiden Majlis Belia Malaysia. Hari ini dia sudah jadi orang 'gomen', sudah lainlah sedikit. Tetapi waktu beliau menjadi Presiden Belia dahulu, beliau bertindak untuk keadilan, belia itu, belia ini, saya pun turut bersemangat, dia masuk jel saya masuk jel, dia pergi saya tinggal belakang (*Ketawa*).

Untuk belia-belie ini, tetapi apa pun yang saya hendak maksudkan di sini ialah supaya program-program yang boleh mendekatkan belia-beliadi negara kita ini kasih cinta kepada agama, kalangan belia-belie Islam ini yang dikatakan ketahanan ilmu, ketahanan daya saing dan semuanya ini diambil kira supaya mengurangkan projek-projek yang boleh melalaikan belia-belie. Budaya-budaya ini dikurangkanlah sedikit. Pesta-pesta ini kurangkanlah sedikit. Ini zaman kebangkitan semangat patriotik yang semakin hari semakin kurang. Ia harus dirobah semula ke arah pembangunan negara terutamanya generasi belia ini supaya lebih produktif. Kadang-kadang kita marah dekat belia ini-malas, runtu akhlak, moral, begitu dan begini-kita bersyarat sebagai orang politik. Tetapi kita lupa kadang-kadang kerana dasar kita, cara kitalah yang membuatkan mereka jadi begitu. Itulah sebabnya mereka jadi macam itu, sebab kita tidak menyediakan wadah itu dengan

menyeluruh. Bunyinya bersepadu—bersepadu apa? Kadang-kadang berjoget sana, mcnari—tidaklah salah. Bagi saya, mungkin itu salah dari segi pandangan Islam, tetapi program-program yang boleh meruntuhkan akhlak dan moral mestilah kita kurangkan. Tetapi tingkatkanlah kegiatan-kegiatan belia ini, baik di peringkat universiti, pusat pengajian tinggi, di bandar, di luar bandar terutamanya melahirkan tenaga-tenaga mahir. Kalau peruntukan belia usahawan dahulu, apa sudah jadi? Kalau tidak cukup, saya sokong ditambah lagi peruntukan seumpama ini. Bukan kita tidak setuju, tetapi janganlah pula peruntukan itu nanti orang-orang tertentu pula, seperti saya hendak sentuh bab Kementerian Pertanian - tambahan sebanyak \$67,662,000 Maksud B.19 bahagian kedua.

Ini dikehendaki untuk menampung peruntukan bagi membayar subsidi harga padi. Ini subsidi padi bagi tempoh 1980 - 1988. Bab padi ini, sudah timbul masalah subsidi selama ini kita sudah bincang banyak kali, ada yang dapat, ada yang tidak dapat. Ini Kelantan pun sudah di bawah Pembangkang, bunyi kata tidak hendak bagi, Sabah pun begitu. Saya tidak hendak sentuh soal bagi atau lidak hendak bagi dalam soal politik ini. Saya tidak kira siapa bagi. Saya harap dan saya merayu sebagai Ahli Dewan Rakyat dari Pasir Mas, pokoknya bagi, bagi sahaja.

Hendak bagi melalui KEMAS kah, hendak bagi melalui Penghulukah, kalau di Pasir Mas, hendak bagi melalui Ahli Dewan Rakyat Pasir Mas lagi baik, bagilah, lidak ada masalah. Pokoknya bagi, iaitu bagi biar semua pihak kena, semua pihak petani-petani kita dapat. Yang timbul masalahnya sekarang ini, sewaktu Barisan Nasional dahulu yang bagi Pcng hulu, UMNO tidak bagi kepada PAS, UMNO tidak bagi kepada Semangat 46. Sekarang sudah jadi Pembangkang, bagi saya tak kesah siapa bagi, tetapi pokoknya jangan kira parti, rakyat di bawah mesti dapat baja untuk

tanam padi. Saya percaya Menteri Pertanian yang saya anggap handal dan luar biasa akan bersetuju dengan pandangan saya ini, asalkan rakyat terima, dan baja itu makanan padi.'

Tuan Yang di-Pertua, yang sekarang ini timbul masalah politik ialah orang. Orang berkelahi kerana politik, tetapi baja dan padi jadi mangsa. Baja itu makanan padi, sebab apa padi kita *hukum*7(*Ketawa*) Baja itu makanan padi, bagilah padi makan baja itu, itu hak padi. (*Ketawa*) Kita orangnya yang menentukan untuk bagi ini biarlah kita pastikan semua dapat. Kalau Kerajaan Pusat tidak hendak beri melalui Kerajaan Negeri, itu hak Kerajaan Pusat sebab Kerajaan Pusat ada hak walaupun kita boleh buka dari segi Perlembagaannya ataupun dari segi Islamnya patut kena bagi, tetapi bagi saya yang pentingnya bagi, bagilah cara manapun, saya tidak tahupun tidak apalah. Pergi bagi di Pasir Mas, bagi dekat penyokong saya, "Ini baja, lain kali jangan sokong lagi Ibrahim Ali" pun lidak apa, asalkan bagi. Sebab itu untuk faedah rakyat, kerana itu hasil pertanian negara kita.

Ini bab soal subsidi baja sebab yang diperuntukkan \$67,600,000 ini banyak, saya bimbang begini, saya takut membazir. Walaupun kita kerana politik, tetapi jangan membazir. Kadang-kadang kita hantar baja, sebab politik, Pnghulu ambil simpan di bawah rumah, dia tidak hendak bagi, kadang-kadang bukan kerana PAS atau Semangat 46, UMNO tidak bagi, sama-sama UMNO pun dia tidak bagi. adajuga-sampaiberkulatbaja di bawah rumah dia tidak bagi, jadi membazir. Lebih baik kita bagi, akhirnya, in the final analysis nanti negara dan rakyat mendapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak bangkitkan, sebab tadi dalam supplementary question, dengan izin, tidak sempat saya hendak huraikan. Ini penting bersabit dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri-bab Kad Pengenalan yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi. Soal kad palsu ini penting, serius, satu lagi subjek yang saya hendak

sentuh. Tadi saya takut Tuan Yang di-Pertua semasa saya tanya tadi, dia akan halang saya. Peluang ini boleh saya kemukakan balik. Kad pengenalan palsu - yang kita bimbang ini bukan sahaja dart segi orang meniru kad tetapi bab gambar yang saya sebutkan tadi saya tidak sempat hendak huraikan. Saya hendak bertanya pihak Kementerian Dalam Negeri yang menjawab nanti ataupun Timbalan Menteri Dalam Negeri, pastikan kad ini bukan sahaja selamat, orang lidak boleh palsukan, tetapi biar betul-betul terkawal dari segi keselamatan. Macam gambar-hari ini dia ambil gambar ada janggut, katalah macam Tuan Yang di-Pertua ada janggut (*Ketawa*), besok dia rasa hendak cukur janggul, jadi kad itu ada janggut, macam mana?

Samalah juga sekarang ini, katalah orang itu rambutnya putih (*Ketawa*), macam Timbalan Menteri Tanah, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, rambutnya putih. Alih-alih semangat hendak muda, tiga hari kemudian saya tengok rambut sudah hitam. Dalam kad rambut putih. Yang pakai songkok, tidak pakai songkok mesti ditentukan garis ini, sebab bila timbul masalah, keaslian kad itu bila pergi ke mahkamah, bertahun-tahun tidak boleh ditentukan sama ada kad siapa ini, Betul, ada yang jenis dua serupa. Saya pernah kena sekali, Tuan Yang di-Pertua-ini ceritalah. Sayaduduk dekat Hotel Plaza, kereta tidak ada, saya tunggu teksi, sayatunggu di situ. Sekejap datang seorang, dia tar.ya saya, "Encik Aziz tunggu siapa? Saya tanya. "Aziz mana? "Saya ingat Encik ini Encik Aziz Jaafar". Ada pula orang ingatkan saya ini Encik Aziz Jaafar (*Ketawa*). Rupa macam Aziz Jaafar. Jadi saya fikir kalau kad pengenalanlah saya pakai nanti serupa dengan Aziz Jaafar, macam mana? Jadi hendak tentukanlah dari segi keaslian, maknanyahendakpastikandari sekarang keselamatan kad ini mestilah

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Pasir Mas, yang bertanya ini siapa? Lelakikah atau perempuan yang bertanya Yang Berhormat ini? (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nasib baik yang tanya saya itu lelaki. Kalau dia tanya Yang Berhormat dari Batu Berendam, saya tidak tahulah!

Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan ini penting, sebab soal pemalsuan kad pengenalan ini cukup banyak terjadi dalam negara kita dan timbul lagi masalah banyaknya pendatang-pendatang haram yang kita dengar selama ini jual kad pengenalan, ada kad pengenalan boleh buat passport, Ini mengenai dengan keselamatan negara. Jadi ciri-ciri seperti ini saya harap diambil perhatian oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira banyak lagi yang saya hendak sebut di sini atau hendak ambil bahagian di sini. Saya rasa cukup setakat itu di atas masa dan kesempatan yang diberi. Insya Allah, kalau ada masa saya hendak sambung balik di peringkat Jawatankuasa nanti secara terperinci.

Jadi, itulah sahaja dan saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberi dan apa pun pandangan yang saya beri tadi terbit daripada sikap dan perasaan yang ikhlas untuk sama-sama kita terus membina negara kita. Mudah-mudahan mendapat taufiq dan hidayah daripada Allah s.w.i. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong.

ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, kami memerhatikan bahawa Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1989 sedang menerima tambahannya yang kelima manakala bagi tahun 1990 tambahan kedua bagi kedua-dua Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Keadaan kewangan yang sedemikian amat tidak memuaskan.

Setahu kami tambahan bagi Perbelanjaan Mengurus bagi sesuatu tahun jarang melebihi tambahan ketiga. Akan tetapi bagi Perbelanjaan Mengurus 1989 tambahan diberi sebanyak 5 kali. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memberitahu Dewan yang mulia ini mengapa Perbelanjaan Mengurus bertambah sebegitu hebat sekali iaitu lebih dua kali ganda daripada perbelanjaan tahun 1988 dan secara perbandingan dengan tahun 1987 lebih lima kali ganda. Adakah ia menjadi trend semasa Perbelanjaan Mengurus Kerajaan? Kami berharap ini tidak benar. Perbelanjaan Mengurus yang berlebihan berdaya menggondolkan pendapatan tambahan yang kami perolehi daripada peningkatan pengeluaran petroleum. Ini juga bermakna sumber yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan terpaksa dialihkan kepada pembiayaan Perbelanjaan Mengurus maka melemahkan perkembangan ekonomi negara.

Ramalan terbaru daripada pihak MIER (Malaysian Institute of Economic Research) ialah pertumbuhan ekonomi akan susut di bawah 10% ke 6.3% pada tahun 1991, 5% dalam tahun 1992 dan tergantung kepada 4.8% dalam tempoh masa 1993 hingga 1997 sebelum mengukuh semula kepada 7% menjelang tahun 2000. Maka Kerajaan sepatutnya menyiapkan sediakan ekonomi khususnya perbelanjaan sektor awam untuk menghadapi kemerosotan pertumbuhan negara terutamanya dengan krisis Teluk yang kita berharap tidak akan berlarutan.

Berhubungan dengan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1989 sebahagian

besar daripada tambahan diperuntukkan untuk tujuan pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Hampir 94% daripada jumlah besar tambahan dalam Perbelanjaan Mengurus atau \$2,980,073,015.00 terdiri daripada pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Bagitahun 1990 jumlah besar pemberian dan kenaikan bayaran tetap berjumlah hampir \$400 juta atau 67.73% daripada jumlah besar tambahan dalam perbelanjaan. Kod ini sebagai tabung petty cash, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat untuk anak-anak buahnya seperti Kerajaan Negeri, program-program pembangunan pelbagai Kementerian termasuk biasiswa, pencen dan faedah, dividen serta kenaikan bayaran hutang negara.

Tuan Yang di-Pertua, faedah, dividen serta kenaikan bayaran hutang negara berupa tanggungan yang paling berat iaitu \$6 bilion mengikut peruntukan asal dan sekarang dalam Tambahan Kelima di bawah Kepala T.12, perbelanjaan kerana hutang negara tambahan sejumlah \$742,785,343 diberikan.

Menurut penjelasan yang diberi wang tambahan dikehendaki menampung bayaran faedah ke atas pinjaman tempatan, pinjaman pasaran luar negeri dan pinjaman projek luar negeri akibat kenaikan dalam faktor-faktor kadar faedah. Jumlah pinjaman serta perbezaan kadar pertukaran matawang asing. Dengan prestasi Ringgit yang jauh lebih lemah pada tahun ini maka kami menjangka langgungan Kerajaan akan bertambah lebih daripada peruntukan asal sebanyak \$6.7 bilion. Oleh itu kami ingin tahu jangkaan tambahan pada tanggungan yang berhasil daripada kelemahan kadar pertukaran Ringgit berbanding dengan matawang asing yang lain dalam tahun 1990.

Perkara lain yang saya ingin kemukakan di sini ialah saranan kepada Kerajaan supaya jangan terlalu lega dengan prestasi Ringgit terutama sekali dari segi peningkatan dalam permintaan

untuk matawang kita oleh bank-bank amanah Jepun dan bank-bank perdagangan Amerika. Bank-bank ini dilaporkan sedang menjual Dollar Amerika untuk Ringgit Malaysia dan dipercayai telah melabur sekurangnya US\$100 juta atau M\$270 juta ke dalam pasaran wang tempatan bagi membolehkan nilai mata Ringgit mengukuh ke atas Dollar Amerika pada tingkat MS2.67 sen iaitu tingkat yang paling tinggi sekali kebelakangan 12 bulan ini. Biar apapun tujuan mereka, Bank Negara tetap bertanggungjawab ini perkembangan yang positif. Bank Negara juga memberi sindiran, hint, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua; bahawa sekiranya aktiviti ini didorong oleh permintaan komersial ianya tidak akan mencampur tangan. Jika kemasukan mereka tidak ada apa-apa yang perlu dibimbangkan maka bagaimana pula dengan masa bila keadaan sebaliknya berlaku iaitu ketika mereka menarik keluar daripada pasaran.

Daripada tinjauan kami minat mereka terhadap matawang negara kita lebih bersifat spekulasi dengan belatar belakang ancaman teretusnya perang di Teluk Parsi serta tingkat harga minyak yang tinggi di pasaran dunia. Oleh itu yang kami resahkan ialah apa yang Bank Negara tidak memberitahu atau menerangkan iaitu keadaan-keadaan di bawah manakah yang ia anggap perlu memasuki pasaran campur tangan menghalang kegiatan bank-bank asing ini serta kesan ke atas nilai mata Ringgit yang kita harus bersiap sedia menghadapi apabila mereka hilang minat secepat dan sebesar isi padu yang mereka telah melabur ke dalam pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, masih pada topik yang sama, kami juga ingin menyeru Kerajaan memberi penerangan yang lebih terperinci mengenai isu urusan Bank Negara menstabilkan ringgit Malaysia yang telah dikecam oleh pihak British. Perhatian kami ter-

tarik kepada kenyataan bahawa tidak ada seorang pun pakar ekonomi mahupun "dealer", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pertukaran asing tempatan telah melahirkan pendapat mereka mengenai isu ini sebanyak-banyaknya hanyalah scpatah kenyataan yang ringkas iaitu Bank Negara terikat oleh "sacred duty", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh berspekulasi dan hanya boleh bertindak sebagai pelindung ringgil bila ada usaha untuk melemahkannya.

Kami juga sedar bahawa Bank Negara telah membina nama untuk diri sendiri menerusi penglibatannya dalam pasaran-pasaran wang Asia seperti Tokyo, Hongkong dan baru-baru ini di Republik Singapura, kononnya Bank Negara mewujudkan ribut kecil di dalam pasaran-pasaran kecil ini yang sebagai satu keseluruhan mempengaruhi juga prestasi di pasaran-pasaran antarabangsa yang iebih besar. Sama ada ini satu kehormatan yang negara harus bermegah-megahkan atau tidak, kami kurang pasti dan yang membimbangkan kami ialah kesan jangka panjang ke atas imej serta pertubuhan pasaran wang tempatan dan Bank Negara dengan reputasi sebegini Kemasyhuran berbentuk ini dipercayai lebih negatif daripada positif,

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kami dapati bahawa walaupun Bank Negara tidak menafikan usahanya di dalam spekulasi mengenai pertukaran wang, tetapi nampaknya tindak-tanduknya boleh merupakan spekulasi. Walau bagaimanapun, saya berharap Timbalan Menteri dapat menjawab perkara ini dengan lebih bertanggungjawab, lebih berkesan dan lebih dapat dipercayai.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada lebih aktiviti daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan nampaknya ada satu Pesuruhjaya Perdagangan di Vietnam sekarang. Itu satu langkah yang betul untuk memperluaskan pasaran kita. Walau bagaimanapun, dalam kacamata yang

lebih luas, saya ada membaca kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi ini mengenai blok ekonomi truiamanya mungkin akan menjadikan Republik Rakyat China satu partner, satu dialog di dalam ekonomi ASEAN—itu satu langkah ke arah yang betul. Dalam kacamata yang lebih luas, kami menyeru Kerajaan supaya memberi pertimbangan semasak-masaknya terhadap konsep pengwujudan sebuah pasaran bersama di rantau ASEAN.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan konsep ini tidaklah disukai, ada ~~blok~~ ekonomi di Eropah, Kanada, Amerika dan Mexico tetapi Yang Amat Berhormat tidak begilugembira dengan blok-blok ekonomi seperti ini. Walau bagaimanapun, kerjasama ekonomi dan perdagangan tidak harus berkecai-kecai terhad kepada usahasama tertentu atau kawasan yang kecil sahaja seperti segi tiga ekonomi di antara Johor, Singapura dan Batam, Indonesia.

Kewujudan pasaran-pasaran bersama (common market) nampaknya adalah trend dunia semasa. Misalnya, pasaran sebegini yang terbesar sekali adalah kubu Eropah jika diuruskan secara cekap, konsep sebegini boleh memperluaskan pasaran tempatan di samping mengukuhkan kekuasaan tawar-menawar dengan negara-negara perindustrian Barat yang seringkali dituduh hanya menjaga kepentingan diri serta mengeksploitasikan mereka yang lemah.

Pasaran bersama rantau ASEAN boleh membantu mengesyorkan sistem perdagangan yang lebih berkesan dan adil bagi semua pihak sepertimana senantiasadisorkanolehnegara-negara Ahli Eropah. Pasaran bersama tidak semestinya membawa kepada penutupan pasaran atau penutupan sistem perdagangan pelbagai hala ataupun yang dibimbang-bimbang oleh Menteri Besar Johor, iaitu fokus pembangunan kawasan masing-masing perlu ditukar

dan mereka yang terlibat tidak dapat menikmati sepenuhnya hasil kerjasama. Oleh itu kami yakin bahawa kewujudan pasaran bersama di rantau ASEAN boleh membawa kesan-kesan yang positif seperti pengimbangan pasaran, syarat-syarat perdagangan yang lebih lumayan, kecekapan pengeluaran dan perhubungan yang lebih erat di kalangan negara ASEAN dan pada skop yang lebih besar, keadilan dalam perdagangan antarabangsa.

Di pasaran minyak sawit misalnya, persaingan di antara Indonesia dan Malaysia begitu hebat. Walaupun Menteri Perusahaan Utama seringkali mengatakan bahawa dia berusaha bekerjasama dengan Indonesia dan Thailand, nampaknya pasaran minyak sawit sekarang menghadapi kesukaran dan persaingan daripada Republik Indonesia yang begitu hebat kerana mereka sekarang ada banyak ladang dan di dalam tempoh lima tahun akan datang mungkin akan mengeluarkan minyak sawit dengan mutu yang hampir sama dengan Malaysia, tetapi kos mereka itu rendah.

Yang mereka hadapi dan yang diketahui oleh Yang Berhormat Menteri ialah pengangkutan sekarang pun tidak begitu maju di Indonesia. Sebab itulah walaupun kos pengeluaran itu tidak tinggi, tetapi bila diambil dan diangkut ke pelabuhan, kos itu melambung dan kita masih boleh bersaing dengan pihak Republik Indonesia. Tetapi lambat laun mungkin dalam beberapa tahun—lima tahun akan datang, mereka akan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur sehingga boleh menjualkan minyak sawit dengan lebih murah berbanding dengan pasaran Malaysia. Dan begitu juga.....

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan pasaran bersama rantau ASEAN.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pasaran bersama, kita boleh berunding dengan berkesan.

misalnya di pasaran Eropah mereka ada berunding, ada dasar yang sama. Pihak ahli-ahli di dalam Economic Community, mesti bersama-sama membincangkan dan memperersetujui dengan dasar. Bukan seperti sekarang ini, Indonesia boleh mengeluarkan begitu banyak minyak sawit dan begitu juga dengan Malaysia, kita saing-menyaing sehingga harga pasaran itu turun. Dan sekarang di Pakistan, adakah kita dapat jualan pada bulan yang lepas kepada Pakistan dengan minyak sawit Malaysia? Tidak dapat jualan. Adakah ini benar?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Minta penjelasan. Saya tidak tahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong, apa konsep beliau akan mencadangkan, adakah beliau menyokong blok perdagangan yang dicadangkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan itu beliau kata kita pasarkan minyak sawit, kita takut persaingan dengan Indonesia. Tetapi Yang Berhormat dari Kepong tidak tahu pertambahan pasaran minyak akan lemah ke arah tahun 2000, akan bertambah 30 juta lan lagi.

Jika kita boleh kerjasama untuk bersaing dengan minyak-minyak lain seperti minyak kacang soya, minyak kacang, minyak rape seed dan jangan lawan antara satu dengan lain yang bersama-sama mengeluarkan minyak sawit, itulah cadangan saya dengan Indonesia. Jangan potong kaki kita sendiri, mahu potong kaki orang lain, dengan itu kita boleh mendapatkan harga yang lebih berpatutan untuk minyak sawit untuk faedah kedua-dua negara berjiran ialah Indonesia dan Malaysia. Itulah cadangan saya selalu keluaran untuk bekerjasama dengan pihak Indonesia, jangan lawan antara satu sama lain tetapi lawan dengan persaingan yang datang dari minyak-minyak lain yang dikeluarkan khas oleh negara barat yang mana kos pengeluaran mereka tidak boleh berbanding dengan kos pengeluaran minyak sawit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong harap diambill perhatian tentang penjelasan tadi di dalam ucapan. Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau usaha Yang Berhormat Menteri itu untuk bersama-sama bekerjasama dengan pihak Indonesia dan juga dengan pihak Thailand yang sekarang keluarkan banyak getah.....

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Kita sekarang bercakap fasal kelapa sawit, dia pergi ke getah. Thailand tidak ada kelapa sawit. Dia boleh menanam pokok kelapa sawit tetapi pokok ini tidak keluarkan buah dan tidak ada minyak. Jadi, saya ingat Yang Berhonnat dari Kepong sudah kalam-kabut sedikit, dia mahu cakap sawit, sawit; cakap getah, getah. Ini dua tak campur sebab Thailand tak keluarkan minyak sawii. Negara Thailand mengimportkan minyak sawit dari kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nampaknya kita ada masalah dengan minyak sawit.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tetapi getah asli lain cerita.

Timbalan Yang di Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya itu persaingan di antara Malaysta dengan Indonesia di dalam penjualan minyak sawit dan Malaysia dengan Thailand itu getah.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Kalau getah termasuk Indonesia juga, jangan Thailand sahaja—termasuk Indonesia juga.

Dr Tan Seng Giaw: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau niat dan usaha Yang Berhormat Menteri itu boleh menumpu kepada kerja benar-benar untuk mendapat kerjasama di antara Indonesia dan Thailand kita akan bertuah, tetapi nampaknya lebih kenyataan, lebih cakap daripada bikin.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormatdari Kepong tidak tahu. Saya sebutkan "ANRPC", dengan izin, Association of Natural Rubber Producing Countries. Dengan pertubuhan forum ini kita selalu bekerjasama atas memasarkan getah asli yang berbanding dengan getah tiruan, serupa barisan tiruan yang dikeluarkan oleh Pembangkang, (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri menyokong konsep pasaran bersama dan bergiat dan benar-benar bekerja untuk mendapatkan kerjasama daripada Indonesia dan Thailand kerana saya nampak kerjasama itu belum jelas lagi dan pihak Thailand masih bersaing dengan pihak kami dan pihak Indonesia bersaing dengan pihak Malaysia dalam bidang minyak sawit dan Thailand di dalam bidang getah.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bhi Haji Mahiruddin): Ada lagi?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, tentulah negara-negara yang mengeluarkan barang-barangan yang sama mereka mesti bersaing antara satu dengan lain untuk pasaran dunia. Ini tidak boleh kita menghadkan atau meminta mereka jangan bersaing dengan kita, tetapi apa yang mustahak ialah kita melalui meningkatkan mutu barangan yang dikeluarkan oleh negara kita dan dengan mutu yang boleh dijaminakan barangkali negara-negara pengguna akan membeli dengan negara kita. Tetapi saya beri satu nasihatlah, jangan takut,

sebab jumlah getah asli yang dikeluarkan oleh Malaysia, oleh Indonesia dan oleh Thailand boleh diambil semua permintaan dari negara-negara pengguna, dengan izin, don't worry, there is enough natural rubber for all. Tetapi apa yang kita bersaing ialah dengan getah tiruan. Serupalah Barisan Nasional di sini yang asli kena saing dengan barisan timan yang dikeluarkan oleh pihak Pembangkang, inilah bersaing. Jangan kita bersaing antara satu sama lain di dalam barisan yang sama. Jadi, saya cakap "jangan takut", apa harga yang tidak berpatutan kita dapal untuk getah asli bukan atas persaingan antara Indonesia, Thailand dan negara kita. Masalah ini sebab bersaing dengan getah tiruan yang dikeluarkan oleh negara-negara barat.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau Yang Berhormat Menteri tadi boleh kerja dengan lebih kuat, jangan setakat cakap sahaja, kerja dengan bersungguh-sungguh untuk mengemaskinikan Kementerian beliau dan Jabatan beliau dan kemudian mempertingkatkan usaha-usaha bekerjasama mendapal kerjasama dengan Indonesia dan juga dengan Thailand, kita akan wujudkan keadaan di mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita bersaing,....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat jangan panjang-panjang sangatlah. Jika macam ini kita tidak ada kerja lain.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Yang Berhormat dari Kepong mengatakan saya tidak bekerja. Saya mintalah kalau pasaran antarabangsa ada di luar negeri, bila saya memimpinkan misi-misi pergi luar negeri, mereka kata saya buang duit, pergi makan angin. Kalau saya duduk di negara ini, jaga pasaran, dia cakap saya tidak bergerak, tidak bekerja. Saya tidak tahu macam mana mereka mahu? Mahu saya pergikah atau mahu saya duduk diam-diam (*Ketawa*). Kalau saya pergi.

dia cakap saya pergi makan angin. Saya duduk diam-diam untuk jaga pilihan raya umum, dia cakap saya tidak bekerja. Itulah masalah sebab beliau kata saya tidak bekerja, saya memang tidak bersetuju, saya bekerja sehingga setengah mati (*Ketawa*), apa dia tahu?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Kepong, yang diucapkan itu ialah perkara depan. Yang kita sedang bincang sekarang ini perbelanjaan-perbelanjaan yang telahpun di belakang itu, yang telah dibuat.

Dr Tan Seng Giaw: Saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Jika buat sedikit-sedikit sahaja bolehlah. Saya sudah dengar 10 minit lebih. Dan di atas dasar ini mengikut Peraturan Mesyuarat, kita ada satu hari sahaja,

Dr Tan Seng Giaw: Hari ini sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hari ini sahaja. Mintalah pendekkan sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Saya akan pendekkan. Saya tidak kata dia tidak kerja, saya kata dia hendak mempertingkatkan usahanya, itu sahaja, tetapi dia orang tiruan, dia tidak tahu.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dari rakan saya. Adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju bahawa Menteri-menteri yang berkenaan walaupun telah membelanjakan begitu banyak, perjalanannya begitu luas dan masa pun sudah buang begitu banyak, tetapi hasilnya sedikit sahaja. Adakah ini kelemahan daripada Kementerian yang berkenaan itu dengan mulut yang besar?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, mintalah teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri memang bercakap banyak tetapi saya berharap kerja pun boleh dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup, ya. Tuan Yang di-Pertua, ada banyak peruntukan bukan sahaja untuk mengurus tetapi juga untuk pmbangunan dari segi pendidikan. Dalam bidang pendidikan di mana penaungan politik menggugat pcingkatan standard pendidikan negara, misalan di peringkat universiti di mana permintaan tambahan ini adalah banyak. Kerajaan enggan memberi penjelasan sebaik-baiknya mengenai penarikan balik perlantikan dua orang tenaga akademik sebagai Dekan dan Timbalan Dekan di Universiti Malaya serta penamatan perkhidmatan Naib Canselor yang sedia ada. Di bawah keadaan-keadaan biasa pun penjelasan harus diberi. Apatah lagi bila ia berlaku di bawah keadaan-keadaan luarbiasa, Yang pelik di sini ialah Professor Syed Hussein Alatas diimport oleh Menteri sendiri dari Republik Singapura untuk menggantikan Professor DiRaja Ungku Aziz kononnya....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah itu di dalam peruntukan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, di universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah ada, tetapi adakah benda ini ada minta tambahan kewangan dan sebagainya?

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau hendak bina universiti untuk apa, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat dikehendaki berucap di atas dasar perbelanjaan yang telahpun dikeluarkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tuan Yang di-Pertua, ini mukaddimah sahaja. Saya hendak mencadangkan satu dasardan ini mukaddimah sahaja-dua perenggan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Mintalah Yang Berhormat pendekkan sedikit kerana ada yang lain-lain hendak berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pentadbiran universiti sama ada di Universiti Malaya ataupun di universiti-universiti yang lain yang meminta perbelanjaan tambahan ini, saya berharap satu sistem perlantikan Naib Canselor dan Pensyarah yang lebih berkesan, lebih wajar dapat diadakan. Misalnya kalau kita hendak lantik Naib Canselor adakan satu Jawatankuasa dan kita pilih daripada bcberapa calon, ada lima calon, sepuluh calon dan sepuluh calon-calon Naib Canselor ini boleh diinterview dan boleh mengeluarkan rancangan untuk membangunkan universiti yang mereka minat menjadi Naib Canselor itu. Inilah sistem perlantikan yang lebih berkesan. Itulah cadangan dasar saya, Tuan Yang di-Pertua.

Ada satu lagi ialah latihan jururawat. Sekarang ada kekurangan jururawat yang dahsyat di negara ini kerana banyak jururawat keluar daripada negara ini untuk mendapat gaji yang lebih lumayan di negara-negara yang lain termasuk negara Arab Saudi. Dengan itu bilangan jururawat di negara ini adalah berkurangan sama ada di Hospital-hospital Besar ataupun hospital-hospital swasta dan saya nampaknya ada permintaan peruntukan untuk Sekolah Latihan Jururawat dan di sini saya hendak mencadangkan bahawa Kementerian Kesihatan mengkaji semula dasar latihan jururawat dan kawalan' standard latihan Itu dan mengadakan lebih banyak Sekolah Latihan Jururawat sama ada di Hospital-hospital Besar ataupun di hospital swasta. Saya nampaknya kadangkala permintaan daripada hospital-hospital swasta tidak dilayan oleh pihak Kementerian mungkin kerana takut standard latihan itu tidak sampai ke tahap yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, saya berharap dasar ini dapat dikaji semula dan kawalan ke atas standard latihan itu dapat dipertingkatkan untuk memastikan jururawat yang dilatih itu mencapai standard yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi saya nampaknya iaitu permintaan perbelanjaan tambahan untuk membina Terminal 2 Lapangan-terbang Antara-bangsa Subang. Di sinilah saya hendak menekankan bahawa pihak Kerajaan memperdalam dan mempertimbangkan keadaan Lapangan-terbang Subang dan lapangan-terbang-lapangan-terbang yang lain yang standard itu kurang kerana negara ini mempunyai 20 lapangan terbang dan di antaranya hanya 4 sahaja yang boleh menampung pesawat Boeing 747 kerana faktor-faktor yang tertentu iaitu standard itu tidak meningkat. Di Subang, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mempunyai keluasan lapangan-terbang itu 1,700 ekar. Ini tidak cukup, ini ketinggalan zaman, 25 tahun ketinggalan kalau berbanding dengan lapangan-terbang-lapangan-terbang di Bangkok dan di Singapura. Singapura sekarang ada Aeropolis, tetapi kita ini masih ada lapangan-terbang hanya dengan keluasan 1,700 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang aneh, pelik bimi hairan kerana di Subang sekarang ada satu lebuh raya baru —New Klang Valley Expressway yang merentasi Jalan Lapangan-terbang Subang dengan jejambat. Saya tidak nampak mengapa ada lebuh raya sedemikian. Sebenarnya kalau kita hendak adakan jalan ke lapangan-terbang itu, kita hendak adakan lebuh raya itu thoroughfare, satu thoroughfare tetapi saya tidak begitu faham mengapa kita hendak adakan New Klang Valley Expressway dengan merentasi jalan itu. Itu tidak patut, tidak wajar dan menunjukkan itu satu rancangan yang tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan di dalam beberapa tahun lagi, Lapangan-terbang Subang ku kerana sangat ketinggalan zaman tidak dapat digunakan dengan berkesan dan kita perlukan satu lapangan-terbang antarabangsa yang moden, yang besar. Saya diberitahu bahawa mungkin ada

pertimbangan oleh pihak Kerajaan untuk mengadakan satu lapangan-terbang baru di Sepang. Itu satu kawasan yang lebih sesuai kerana di situ kalau kita adakan satu lapangan-terbang dengan lebih 40,000 ekar dengan perbelanjaan mungkin meningkat kepada dua billion ringgit, kita boleh wujudkan satu lapangan-terbang antarabangsa yang moden di Malaysia. Saya berharap pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini kerana lama sudah ketinggalan zaman.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, perlulah diadakan satu sistem radar kawalan dan keselamatan yang lebih berkesan kerana setakat ini kita tidak boleh bersaing dengan negara seperti Republik Singapura. Republik Singapura mempunyai sistem radar yang cukup moden yang dapat menguasai ruang angkasa Laut China Selatan (South China Sea), tetapi bagi Malaysia ruang angkasa yang kita kuasai itu sangat terhad kerana kawalan sistem radar kita ketinggalan zaman pula.

Nampaknya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidur kerana tidak mengambil berat mengenai sistem radar kawalan dan keselamatan untuk lapangan-terbang-lapangan-terbang di negara ini dan saya berharap pihak Kerajaan dapat mengadakan satu sistem radar keselamatan dan kawalan yang moden dengan serta-merta bagi Lapangan-terbang Antarabangsa Subang dan seterusnya untuk lapangan-terbang-tapangan-terbang yang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap.

5.31 ptg.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Kertas Perintah 14A yang mana saya akan cuba

membahaskan sedikit mengenai dengan perbelanjaan kerana hutang negara yang kita tahu telah dibelanjakan sebanyak \$742.785 juta.

Saya mengambil peluang di sini untuk memberi tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah menguruskan perkhidmatan perbelanjaan ataupun perkhidmatan pembayaran balik hutang negara dengan cekap, yang mana mengikut satu laporan ekonomi baru-baru ini mengatakan bahawa, dengan izin, debt service ratio negara kita pada peringkat sekarang ialah 8% sahaja, iaitu ratio yang paling rendah dan saya mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk memberi tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah menunjukkan kewibawaan beliau sebagai seorang pengurus kewangan yang cukup cekap, yang mana saya juga difahamkan bahawa hutang negara pada masa ini adalah \$25,000 juta. Saya minta Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apabila menggulung perbahasan ini cuba memberikan setakat mana yang boleh tahap kedudukan hutang negarapada peringkat debt service ratio dan juga secara absolute, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan supaya pihak Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menghuraikan secara terperinci mengenai kedudukan sekarang iaitu bidang-bidang hutang negara dari sumber tempatan dan juga sumber luar negeri dan juga mengenai hutang negara dan hutang Kerajaan, kerana dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat biasa terkeliru di antara perbezaan hutang negara dan juga hutang Kerajaan. Perkara ini dibawa dalam kempen-kempen pilihan raya yang mana banyak salah faham telah dibawa ataupun misinformation diberi kepada rakyat yang mana Kerajaan digambarkan sebagai satu Kerajaan yang berhutang cukup banyak ataupun, debt-ridden. Pada hal, yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita adalah sebuah

Kerajaan yang cukup credit-worthy, negara kita adalah satu negara yang cukup credit-worthy yang mana Bank Dunia dan bank-bank lain mencari supaya kita dapat meminjam lagi kerana mereka tahu bahawa kita dapat membayar balik hutang-hutang dalam masa dan tempoh yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang mana telah bertindak dengan cekap dan cepat mengenai permintaan yang mana wangnya dibelanja dengan cukup cepat dan cekap di bawah Maksud B.34 Kementerian Kesihatan, khususnya di dalam mencegah ataupun mengawal penyakit ataupun wabak kepalu di Kedah, di Kelantan dan di Johor.

Wang yang telah dibelanjakan walaupun sedikit iaitu hanya \$1.5 juta, kesan pengawalan adalah dirasai oleh rakyat. Di kawasan saya sendiri di Padang Terap, iaitu satu daripada kawasan yang teruk dilanda dengan wabak kepalu, wabak ini telah dapat dikungkung di dalam daerah Padang Terap supaya tidak melimpah ke daerah-daerah lain seperti Baling, Sik dan Kota Setar. Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan.

Di dalam menyentuh Maksud Bekalan yang sama, Tuan Yang di-Pertua iaitu Maksud B.34 Kementerian Kesihatan juga peruntukan sebanyak \$2.43 juta adalah dibelanjakan untuk lawatan mesra dan bekalan susu tepung di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Saya ingin memberi komen sedikit tentang hal ini. Sepertimana yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, bahawa pengagihan susu-susu tepung ini kepada rakyat miskin di kampung memunculkan satu masalah. Perut orang-orang Melayu, orang-orang Cina dan juga orang-orang Asian yang lain selain daripada orang-orang India tidak dapat menerima susu dengan tidak memberi kesan purging ataupun cirit. Kebanyakan orang-orang Melayu tidak dapat minum susu dengan banyak,

orang-orang Cina pun sebegitu juga. Kalau mereka minum, akan berlaku purging iaitu dalam perutnya tidak ada satu macam bakteria yang boleh memecahkan protein-protein di dalam susu ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan oleh kerana wang berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk bekalan susu, tetapi orang tak minum. Jadi, dari segi prestasi Kementerian Kesihatan mengagihkan susu memang baik. Orang menerima, tetapi adakah rakyat di kampung meminumnya kita tidak dapat mengesan. Jadi, saya minta perkara ini disemak kembali iaitu kalau boleh kita agihkan benda-benda yang lain yang dapat diterima oleh perut orang-orang Melayu di kampung, ataupun orang-orang Cina dan Siam. Orang India tidak ada masalah dengan susu oleh sebab perutnya ada cukup bakteria ataupun unsur tertentu. Tetapi bagi orang-orang Melayu, orang-orang Cina dan orang-orang Siam - di kawasan saya ada orang-orang Melayu, orang-orang Cina dan orang-orang Siam yang miskin—mereka terima susu, tetapi mereka tidak minum susu itu. dia simpan kerana dia menghormati pihak Kerajaan yang cukup bermurah hati kepada mereka tetapi dia tak minum susu itu sampai berkulat. Jadi, saya berharap pihak Kementerian Kesihatan memikirkan tentang hal ini dan mengganti susu-susu ini dengan makanan yang lain yang mengandungi protein seperti telur-telur mungkin banyak terdapat di kampung—tetapi carilah makanan-makanan yang lain selain daripada susu untuk meningkatkan tahap pengambilan protein oleh rakyat yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan dalam perbahasan ini ialah mengenai dengan Maksud Bekalan B.28 di bawah Perbendaharaan mengenai pemberian kepada Pembangunan Langkawi—dan juga ada lagi satu projek di bawah Maksud Pembangunan lain yang saya tidak dapat cari tetapi di bawah B.28 ada diperuntukkan \$1.3 juta yang

dikehendaki oleh Lembaga Pembangunan Langkawi yang telah ditubuhkan pada awal tahun 1990 ini.

Saya ingin menarik perhatian pihak Perbendaharaan bahawa satu kajian ataupun satu penelitian yang detil patut dibuat mengenai Langkawi. Langkawi kita hendak menjadikannya sebagai suatu pulau yang dapat menarik pelancong, sebuah pulau yang dibanggakan oleh rakyat seluruh negara dan di Langkawi juga telah diadakan Deklarasi Environment di Pesidangan CHOGM dahulu. Tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua pergi melawat ke Langkawi sekarang, banyak perkara yang kita tidak puas hati seperti kerosakan pantai-pantai yang dahulunya indah, disebabkan tidak ada kawalan ke atas kontraktor-kontraktor yang membina hotel dan juga membina rumah-rumah di pesisiran yang mengambil pasir daripada pantai untuk digunakan.

Jadi, apabila pasir itu dikorek di pantai maka rosaklah pantai itu, tidak ada pasir lagi, ada selut ataupun ada, orang Kedah kata, "lanyau" (lumpur)-minta maaf. Jadi, ini mrosakkan pantai. Misalannya, kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke pantai yang paling indah di Langkawi, iaitu Pantai Cenang—Pantai Cenang sekarang menghadapi satu keadaan hakisan yang cukup teruk, yang mana dahulunya pasirmnya putih 'pure' iaitu putih tulen. Sekarang ini dipenuhi dengan lumpur-lumpur akibat daripada penggunaan pasir oleh kontraktor-kontraktor. Ini bukan sahaja di Pantai Cenang, tetapi juga di pantai Tanjung Rhu.

Saya harap pihak Lembaga ataupun LADA mengambil perhatian yang cukup serius di alas perkara ini, kerana hanya akan merosakkan aset Langkawi itu sendiri dan ianya akan menurunkan nilai Langkawi sebagai kawasan yang indah yang akan menarik pelancong-pelancong ke negara kita.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sayamerujuk kepadamaksudB. 16, iaitu wang yang telah dibelanjakan sebanyak \$1 juta untuk menampung perbelanjaan bagi pembelian peralatan Pasukan Bomba Sukarela. Saya telah dua kali bercakap mengenai dengan pentingnya pihak Kementerian Perumahan membantu dan men'velope'kan Bomba Sukarela ini kerana ianya memberi khidmat yang tidak dapat diberi oleh pihak Kerajaan sehingga kini di kawasan-kawasan pendalaman, di kawasan perkampungan baru dan di kawasan-kawasan pertumbuhan atau, dengan izin, growth centre yang baru.

Bomba-bomba Sukarela ini pada masa sekarang adalah menjalankan kerja yang cukup murni, tetapi malangnya mercka tidak mendapat bantuan yang cukup. Setakat ini macam Bomba Sukarela yang ada di kawasan saya, di Padang Terap, mendapat bantuan daripada peruntukan wakil rakyat sahaja dan kerja yang mereka lakukan adalah lebih tinggi dan lebih bebannya daripada bomba-bomba yang ada di pekan besar kerana, misalnya, di kawasan Padang Terap, iaitu kawasan yang menampung dua rancangan FELDA—Rancangan FELDA di Lubok Merbau, iaitu mempunyai 8,000 penduduk dan lebih kurang 1,500 buah rumah; dan satu lagi Rancangan FELDA BukitTembaga yang mempunyai 700 buah rumah, hanya diberi khidmat oleh sebuah Bomba Sukarela yang ada di Pekan Pokok Sena.

Setakat ini bantuan kepada Bomba Sukarela ini adalah cukup tidak memuaskan, tetapi apa yang diberi oleh Bomba Sukarela yang ada di Pokok Sena cukup memuaskan. Jadi, saya memohon, kalau duit \$1 juta ini belum lagi habis dibelanjakan sebelum akhir tahun ini, tolong tengoklah, iaitu Menteri Perumahan yang baru, tolong tengoklah kepada Bomba Sukarela di kawasan Padang Terap yang berpusat di Pekan Pokok Sena.

Dengan itu saya mengambil peluang ini untuk menyokong tambahan perbelanjaan yang telahpun dibelanjakan pada lahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

5.45 *ptg.*

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya lurut ingin menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan usul mencadangkan tambahan ke atas Anggaran Perbelanjaan yang berjumlah sebanyak \$4,206 juta.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Kertas Perintah 16, iaitu P.26—tambahan sebanyak \$45 juta dikehendaki untuk membiayai bayaran kemajuan kampus tetap Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak bertanya tentang kekurangan kelengkapan dan kemudahan asas untuk Universiti Utara Malaysia (UUM) ini. Saya telah menerima banyak aduan daripada penuntut-penuntut bahawa bekalan-bekalan asas seperti air paip tidak ada langsung dalam Universiti tersebut dan juga kawalan keselamatan adalah kurang elok dan di setengah-setengah tempat tiada langsung sehingga menjejaskan keselamatan pelajar-pelajar yang menuntut di sana, terutamanya penuntut-penuntut wanita.

Seperti Tuan Yang di-Pertua sendiri sedar bahawa terdapat banyak pekerja-pekerja dari luar negeri yang datangnya dari Indonesia yang bekerja di sana dan kehadiran mereka menimbulkan satu masalah yang besar kerana keputusan untuk memindahkan kampus dibuat sungguhpun bangunan masih belum siap dan oleh kerana kampus setengah siap, kerja pembinaan terpaksa dijalankan semasa kursus atau pengajaran diadakan dan ini menimbulkan satu masalah yang besar kepada penuntut-penuntut terutamanya penuntut-penuntut wanita.

Saya pun ada menerima laporan bahawa ada terjadi beberapa peristiwa yang kurang menyenangkan, yang tidak manis dan tidak diinginkan telah berlaku ke atas penuntut-penuntut tersebut. Saya

tidak tahu sama ada terdapat mangsa yang menjadi mangsajenayah yang lebih teruk, tetapi ini adalah satu masalah yang sangat besar yang harus diselesaikan oleh pihak yang berkenaan, dan saya telah membaca di suratkhbar yang menyatakan bahawa tempoh pelajaran terpaksa disingkatkan atas sebab keselamatan penuntut-penuntut tersebut.

Di sini saya hendak bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil dan mengapakah keadaan ini dibiarkan sehingga tidak ada air langsung? Saya rasa ini sudah lebih, sudah melampau. Saya ingin bertanya siapakah yang membuat keputusan untuk berpindah ke kampus di Sintok ini tanpa mengira kebajikan penuntut-penuntut tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil terutamanya kos perbelanjaan yang telah dibiayai untuk mengatasi masalah tersebut? Sungguhpun pihak-pihak tertentu telah menyatakan bahawa semua masalah ini telah diselesaikan, tetapi keadaannya masih kurang elok lagi. Seperti satu contoh, dalam perjalanan dari asrama ke kampus, kadangkala terpaksa melalui satu tempat di mana pembinaan masih dijalankan dan ada sekumpulan penuntut-penuntut semasa berjalan ke kampus atau ke kelas mereka itu, dengan secara terkejut mereka melihat satu tiang besi jatuh di hadapan mereka. Nasib baik tidak menimpa mereka, kalau tidak, saya percaya tentu mereka akan menerima atau akan mendapat kecederaan yang lebih teruk, mungkin mati. Itu saya lldak tahu. Tetapi kalau kejadian ini boleh berlaku, saya rasa pihak yang berkenaan harus menjawab dan ini adalah sangat tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada B.26 mengenai Kementerian Pendidikan, di mana \$1,680,000 telah dibiayai untuk menguruskan kurikulum. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah tujuan

utama KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) semasa ia dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya masih ingat semasa KBSR diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, beliau berkata atau memberi jaminan bahawa standard Bahasa Malaysia akan dipertingkatkan. Inilah jaminan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Tetapi dalam masa yang singkat Udak sampai 2-3 tahun, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan secara tidak langsung telah mengakui bahawa KBSR telah gagal dalam tujuan tersebut. Ini boleh nampak dengan keputusan yang dicapai oleh pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) kerana pada masa itu Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri berkata terutamanya di kalangan pelajar-pelajar SRJK prestasi atau mutu ataupun penguasaan Bahasa Malaysia mereka akan bertarnbah biak, tetapi sekarang apabila pelajar-pelajar SRJK memperoleh 6A dalam UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) termasuk perkara Bahasa Malaysia. Mereka tidak dibenarkan masuk ke Tingkatan Satu kerana menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri, penguasaan Bahasa Malaysia adalah lemah dan pencapaian atau prestasi akademik merckapun lemah. Kalau ini adalah hakikai, saya rasa Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus bertanggungjawab dan mengakui bahawa KBSR telah gagal untuk meningkatkan prestasi Bahasa Malaysia dan menggantikannya dengan satu kurikulum yang baru.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan bahawa penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar SRJK yang memperoleh 6A adalah kurang baik, tetapi dalam keputusan SRP yang baru dikeluarkan baru-baru ini adalah nyata bahawa pelajar-pelajar tersebut yang memperoleh 6A telah mencapai keputusan yang cemerlang, bukan sahaja

semua pelajar-pelajar tersebut lulus, tetapi kebanyakan mereka mendapat sekurang-kurangnya 6A atau 7A dan ada juga ramai daripada mereka yang mendapat 8A iaitu keputusan terbaik. Oleh itu, saya tidak faham mengapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh berkata bahawa penguasaan Bahasa Malaysia adalah lemah, sedangkan mereka boleh memperolehi "A" dalam perkara Bahasa Malaysia dalam SRP. Ini adalah mustahil sekali. Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini adalah kajian daripada Bahagian Nazir (School Inspectorate Division), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya hendak bertanya pihak Kementerian bagaimana kajian ini dibuat? Dan keputusan SRP telah membuktikan kajian mereka bahawa penguasaan Bahasa Malaysia bagi pelajar-pelajar tersebut yang memperolehi 6A adalah lemah, tidak berasas langsung, salah langsung. Saya harap satu kajian boleh dibuat ke atas Bahagian Nazir, satu revamp boleh dibuat ke atas Bahagian Nazir untuk memastikan bagaimana pegawai-pegawai tersebut boleh membuat kajian atau keputusan sebegini yang membawa banyak penderitaan ke atas bukan sahaja pelajar-pelajar SRJK yang memperolehi 6A, tetapi juga ibubapa-ibubapa mereka. Dan hari ini mereka terpaksa menjalani satu ujian khas dan saya ada kertas ujian khas Bahasa Malaysia hari ini, dan saya mendapati bahawa standard atau taraf soalan adalah sangat tinggi. Saya tidak sempat membaca semua soalan yang dikemukakan, tetapi saya ada menerima aduan daripada ibubapa yang menyatakan bahawa penuntut-penuntut universiti pun tidak boleh menjawab semua soalan ini.

Saya hendak bertanya adakah ini satu usaha untuk menyekat murid-murid tersebut untuk naik terus atau melompat terus ke Tingkatan I? Adakah ini satu usaha untuk menjaga air muka pihak Kementerian yang telah membuat satu laporan atau kajian palsu dengan menyediakan satu kertas yang sangat

susah supaya ramai pelajar-pelajar gagal. Untuk membuktikan bahawa kajian yang mereka buat adalah benar. Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam kertas satu, pelajar-pelajar dikehendaki membuat karangan dan satu daripada soalnya ialah bahawa mereka dikehendaki memberikan satu rancangan televisyen yang ditonton oleh mereka, menceritakan tentang rancangan televisyen yang ditonton oleh mereka seperti tajuk "Mengapa mereka suka kepada rancangan itu, Isi Rancangan itu dan Kesan rancangan itu".

Saya rasa soalan yang terakhir atau saal yang terakhir bahawa mereka mesti memberikan kesan menceritakan rancangan itu adalah keterlaluan bagi seorang murid atau seorang pelajar.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun, hendak beri jalan pada dia?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap saya akan beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak habiskan dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Bagi seorang pelajar yang hanya berusia 12 tahun untuk meminta mereka memberikan kesan rancangan yang mereka tonton, saya rasa adalah terlalu awal. Saya rasa kalau kita meminta seorang pelajar yang menuntut di Tingkatan III untuk memberikan, menceritakan kesan, saya rasa pun terlalu awal kerana ini memerlukan fahaman yang lebih dalam, memerlukan element, unsur, analisa yang saya rasa masih tidak ada di dalam seorang pelajar yang hanya berusia 12 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat berhubung dengan KBSR yang saya tidak bersetuju, tetapi kenyataan Yang

Berhormat tadi saya rasa agak keterlaluan. Saya rasa Yang Berhormat tidak ada anak besar, baru kahwin? Saya ingat belum ada anak lagi, sudah dapatkah?

Tuan Yang di-Pertua, anak saya Darjah V, saya pernah menengok soalan yang sama, yang diberikan kepada anak saya, saya katabiardia jawab dahulu dan saya tengok kemudian. Dia boleh jawab. Anak saya Darjah V, umur 11 tahun, Sekolah Sri Indra Kangar. Soalan yang samaditimbulkan, saya ingat bukan satu Standard yang tinggi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, masa kita belajar dahulu lain, terutama Yang Berhormat ini tagilah iain, budak hingus lagi, hingus masih meleleh lagi. Di peringkat saya dahulu lain, di peringkat Tuan Yang di-Pertua lain. Sekarang ini anak-anak kita yang berumur 12 tahun kadang-kadang standardnya sama macam kita LCE dahulu, masa kita berumur 15 lahun. Ini satu soalan yang mudah dan anak saya boleh menjawab dengan baik. Saya pun kagurn, saya tidak tahu anak saya boleh menggunakan bahasa yang baik, bahasa baku yang saya sendiri belum boleh ikut dengan baik. Jadi saya ingat ini bukan satu pcrsoalan yang tinggi dan dia menyamakan soalan ini dengan taraf universiti. Ini satu kenyataan yang saya ingat tidak patut dikeluarkan.

Saya sendiri tidak bersetuju mengenai 2-3 perkara berhubung dengan KBSR tetapi jangan ambil contoh soalan ini. Yang Berhormat mengambil contoh soalan ini, Yang Berhormat adalah seorang yang memberi kenyataan yang bodoh - minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak payah menjawab soalan bodoh yang datang daripada seorang yang bodoh ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, perkataan bodoh unparliamentary.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia kata saya bodoh, unparliamentary. Saya kata soalan yang bodoh. Dia kata saya orang yang bodoh - unparliamentary, Dia manusia yang bodoh.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Yang Berhormat cakap saya bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat dari Kota Melaka,

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, mungkin untuk pengetahuan Yang Berhormat saya masih belum ada anak tetapi tahun hadapan saya akan ada anak.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Disampuk)

Tuan Yang di-Pertua: Jangan, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ibubapa-ibubapa pelajar-pelajar tersebut tidak faham mengapa kalau seorang pelajar sekolah rendah kebangsaan yang memperolehi empat 'E', gagal dalam semua perkara termasuk Bahasa Malaysia, boleh terus naik ke Tingkatan 1. Ini yang mereka tidak faham. Keputusan 'E' bermakna kurang dari 20 markah, ini satu kegagalan yang amai teruk sekali tetapi mereka dibenarkan naik terus ke Tingkatan 1,

Saya rasa ini adalah satu permintaan yang adil, yang wajar kerana selama 2 tahun pihak Kementerian telah membenarkan pelajar-pelajar tersebut lurus mengikuti Tingkatan 1 tanpa mengikuti kelas peralihan. Mengapa sekarang keadaan sudah berubah. Pihak Kementerian berkata bahawa ini bercanggah dengan Akta Pendidikan. Kalau bercanggah dengan Akta Pendidikan mengapa pengecualian diberikan selama dua tahun. Di sini saya

pun tidak faham. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan faham, setuju menyokong Usul ini, saya tidak tahu. Saya berharap dia boleh memberikan peti penjelasan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr KongChan Onn): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan, tentu beri, ini kawan baik dari Melaka.

Dr Fong Chan Onn: Berkaitan dengan soalan-soalan yang dibangkitkan, khususnya berkaitan dengan taraf ujian khas, beberapa kali telah diberitahu di sini taraf ujian tersebut adalah seimbang dengan perkara-perkara yang telah diajar dalam syllabus sekolah rendah. Itu telah dijanji oleh Kementerian Pendidikan dalam circular yang telah diedarkan kepada semua murid-murid. Tentang tajuk-tajuk, kita bukan pakarpendidikan yang memahami semua yang telah diajar dalam sekolah tetapi saya boleh janji bahawa soalan-soalan yang Kementerian saya telah ditetapkan dalam ujian khas itu adalah tertakluk kepada kurikulum yang telah diajarkan, disusun dalam sekolah rendah. Itu adalah jelas.

Berkaitan dengan sama ada wajar atau tidak murid-murid yang telah mendapat empat 'E' dibenarkan memasuki sekolah menengah, itu adalah satu keputusan yang negara kita telah memutuskan mengikut Dasar Pendidikan kita iaitu kita mengamalkan sistem promosi secara automatik sehingga Tingkatan 3, itulah Dasar Pendidikan kita. Kita menganggap bahawa semua pelajar-pelajar di sekolah haruslah diberi peluang supaya mereka boleh sekurang-kurangnya sampai ke peringkat Tingkatan 3. Sama ada mereka yang beralih dari sistem sekolah kebangsaan dan sistem sekolah jenis kebangsaan itu haruslah mengikut syarat-syarat berlainan, itu kita telah bersetuju apabila kita terima Akta Pendidikan 1961. Akan tetapi Kementerian Pendidikan telah membuat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dibenarkan meminta penjelasan, bukan memberi penjelasan. Jikalau hendak memberi penjelasan, sekejap lagi nanti masa menjawab.

Dr Fong Chan Onn: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Falsafah pendidikan kita ialah untuk memberi semua murid-murid kita satu peluang untuk memenuhi potensi mereka. Di sini kita sedar tentang kelemahan murid-murid yang memperolehi empat 'E' itu yang dibenarkan memasuki Tingkatan 1 secara automatik dan kita memang sedar kesulitan yang dihadapi oleh mereka

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Dia beri penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, MCA boleh setuju tetapi DAP tetap tidak setuju. Mengapa pengecualian yang diberikan selama dua tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dia jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi pengecualian yang dibenarkan selama dua tahun ini sekarang tidak dibenarkan. Sekarang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ini bercanggah dengan Akta Pendidikan, adakah ini bermakna bahawa apa yang dibuat selama dua tahun ini adalah salah. Adakah ini benar?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan tanya dia.

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang saya tanya, selepas ini dia boleh menjawab. Kalau MCA boleh bersetuju dengan dasar, dengan prinsip ini, ini jelas sekali menunjukkan bahawa MCA dalam suratkhbar Cina menyatakan sesuatu tetapi di dalam Dewan ini mempunyai pegangan, mempunyai prinsip yang lain. Ini talam dua muka.

Dr Fong Chan Onn: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalankah?

Tuan Ltm Guan Eng: Beri jalan, saya beri, tanya betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan Yang Berhormat, jangan beri penjelasan.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya andaian bahawa.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu hendak beri penjelasan. Belum lagi itu, nanti, Yang Berhormat akan diberi peluang hendak memberi penjelasan kelak.

Dr Fong Chan Onn: Peranan DAP dengan MCA adalah berlainan. MCA ingin brrjuang dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak benarkan Yang Berhormat memberi penjelasan. Sudahlah, sila duduk. Yang Berhormat dari Kota Melaka sila teruskan. Saya tidak membenarkan, salah kepada Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat dari Kota Melaka minta cepatkan sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sekejap lagi. Saya membenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau hendak minta penjelasan boleh minta. Dia kurang fasih tentang Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah dan lihat di sini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia mahu lagi, dia boleh rninta penjelasan secara terbuka sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa inilah hasil daripada perjuangan MCA dalam Barisan Nasional. Sekarang apa yang didapati, dinikmati oleh ibubapa mereka sekarang sudah habis, ini jelas menunjukkan bahawa MCA telah gagal dalam Barisan Nasional. Adakah ini

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah): *(Bangun)*

Tuan Lim Guan Eng: Oh, ini hero dari Negeri Sembilan sekarang bangun, hendak minta apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak minta penjelasan, hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Beri.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, minta penjelasan.

Dato Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak minta penjelasan sahaja. Selama ini sama ada DAP ada memperjuangkan untuk kaum Tionghua dan apakah hasilnya berbanding dengan MCA?*(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Hasilnya kiia tidak jual maruah untuk kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato Wong See Wah: Beri jalan tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Beri.

Dato Wong See Wah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak beritahu iaitu DAP cuma dapat menimbulkan perasaan yang tidak puas hati antara masyarakat Cina, itu bukan asas untuk kestabilan politik, kestabilan masyarakat kita *(Tepuk)*. Saya percaya tindak laku dan apa yang telah dijalankan itu adalah tidak baik untuk negara kita *(Tepuk)*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, jelas Yang Berhormat Timbalan Menteri menyokong dasar ini. Menyokong apa-apa dasar yang dibuat oleh Kerajaan termasuk

Dato Wong See Wah: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Oh, Yang Berhormat hendak minta jalan?

Dato Wong See Wah: Hendak minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, beri tidak mengapa.

Dato Wong See Wah: Itu memang persetujuan Barisan Nasional. Saya rasa ini adalah satu hasil keputusan yang telah dicapai oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional, itu sahaja, apa hendak kecam MCA, kecam mengecam apa gunanya. Kita timbulkan rasa tidak puas hati antara masyarakat Tionghua sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kita tidak memberi lekanaan, dia tidak buat kerja langsung. Dia hanya duduk di sini, hanya mengamalkan budaya.....

Dr Fong Chan Oon: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habiskan dahulu, saya akan kasi. Hanya mengamalkan budaya burung belatuk.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng:.....burung belatuk. Tahu apakah burung belatuk, tahu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kita bincang berkenaan dengan perbelanjaan yang telahpun dibuat....

Dr Fong Chan Oon: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua:.....bukan bersangkut dengan polisi di antara parti politik ini.

Dr Fong Chan Oon: Cuma hendak buktikan satu sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dr Fong Chan Oon: Tekanan itu effective. Maknanya MCA telah mencapai keputusan prestasi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Saya kasi jalan. Saya lahu, saya memang akur perintah Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya hendak teruskan mengenai penjelasan yang dia minta dari saya. Ya, Tuan Yang di-Pertua. Tekanan ini adalah untuk menjamin bahawa MCA buat kerja. Apa yang saya bercakap tadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak bersangkut dengan perkara yang dibincangkan.

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap sahaja, Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sekejap sahaja. Kerana MCA sepanjang masa ini mengamalkan budaya burung belatuk. Tahu apakah burung belatuk? Burung belatuk hanya boleh mengangguk-angguk kepala sahaja. Hanya boleh mengangguk-angguk kepala sahaja. Semua ini burung belatuk, mengangguk-angguk.....

Seorang Ahli:DAP tidak buat kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh sebab itu mengenai perkara ini saya harap bahawa pihak Kementerian semasa melancarkan KBSR benar-benar memastikan tujuan yang ditetapkan dicapai. Oleh sebab itu, ujian khas Bahasa Malaysia ini dibatalkan dan semua pelajar-pelajar yang memperolehi 6A dibenarkan naik terus

ke Tingkatan Satu di sekolah menengah,
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, seorang yang last. Jangan panjang sangat, saya beri 10 minit boleh?

6.14 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas memberi kesempatan kepada saya untuk bercakap dan untuk persoalan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah disenyahkan sekejap tadi, iaitu yang pertama saya ingin menyentuh soalan B.26....

Tuan Yang di-Pertua: P.26

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: P.26, Kementerian Pendidikan, di mana bekalan tambahan ini telah diperuntukkan begitu besar sekali. Dan sukalah saya memperingatkan bahawa di seluruh negara kita ini banyak sekolah-sekolah agama. Cubakitalihatdi Kelantan misalnya, sekolah di bawah YIK (Yayasan Islam Negeri Kelantan) di mana sekolah di bawah YIK ini sekolah di bawah negeri Kelantan yang memakai sistem dua mata, iaitu di mana pelajar-pelajar yang belajar di sekolah di bawah YIK ini boleh mengikuti dua aliran persekolahan. Yang pertama aliran umum, yang kedua aliran agama, di mana di sebuah sekolah di bawah YIK ini kita boleh mengambil peperiksaan SRP, SPM dan juga STPM. Di samping itu juga sekali gus di sana boleh juga mengambil peperiksaan SMU (Sijil Menengah Ugama) dan juga STU (Sijil Tinggi Ugama) di mana mereka yang lulus dalam Sijil Tinggi Ugama, mereka ini boleh mengikuti, boleh meneruskan pengajian mereka ke peringkat aliran agama sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri. Adapun yang mengikuti pengajian

umum ini, mereka akan masuk dan dapat belajar di universiti-universiti tempatan dan juga universiti-universiti di luar negeri. Apa yang ingin saya tekan di sini bahawa ada semua sekali 90 buah sekolah agama di bawah YIK ini yang menggunakan sistem ini di mana pelajar-pelajarnya yang mengikuti di sekolah di bawah YIK ini kurang lebih iaitu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap di bawah perbelanjaan apa itu?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Masalah perbelanjaan di bawah Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kena berucap di atas perbelanjaan-perbelanjaan yang telahpun dibelanjakan, bukan atas dasar-dasar....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:.... Saya ingin menyentuh sedikit untuk menarik....

Tuan Yang di-Pertua:...sekolah-sekolah.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:....untuk menarik kesedaran Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh begitu, Yang Berhormat, tidak boleh. Di sini dipanggil perbelanjaan tambahan. Yang diminta ialah perbelanjaan tambahan. Kita boleh berucap di atas perbelanjaan yang diminta yang telahpun dibelanjakan minta diluluskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap demikian oleh kerana saya melihat beberapa orang telah berucap sebelum daripada saya....

Tuan Yang di-Pertua: Ada, malah tadi pun ada, ya....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Semua tertumpu dalam membincangkan persoalan-persoalan....

Tuan Yang di-Pertua:....selepas ini saya tidak benarlah fasal tidak cukup masa.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua tidak adil dalam masalah ini. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan "tidak adil" tidak boleh disebut. Saya minta tarik balik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya boleh tarik balik, tetapi orang semua mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana kata begitu! Saya akan benarkan Yang Berhormat berucap kalau sekiranya bersangkutan dengan perbelanjaan. Saya dengar sedikit pun tidak bersangkutan dengan perbelanjaan, di atas dasar sekolah-sekolah agama di Kelantan tidak bersangkutan dengan benda yang di hadapan kita.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh persoalan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Sentuhkanlah, beri saya dengar. Jangan kata saya tidak adil, tidak patut.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:.....supaya tidak Kementerian Pendidikan mesti melihat pada sekolah-sekolah agama ini. Saya kira apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan ini adalah mengurangkan bebanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di sini perbelanjaan Persekutuan, bukan perbelanjaan Negeri Kelantan. *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah....

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana begitu.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Walaupun perbelanjaan Kerajaan Negeri Kelantan, apakah pihak Kementerian tidak boleh memberi bantuan sebagai bantuan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Jika ada bantuan, bagaimana bantuan, macam manakah, tidak cukupkah, itu akan dibenarkan, Tetapi jika sekiranya Yang Berhormat berucap atas dasar sekolah-sekolah agama di sana tidak dibenarkan, tidak boleh,

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat/ Yang Berhormat boleh berucap dalam Budget. Ucapan itu boleh diucapkan dalam Budget. Budget akan diadakan pada minggu hadapan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta Tuan Yang di-Pertua akan memberi kebenaran kepada saya untuk berucap dalam Budget. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh berjanji dengan kerana banyak. Jika sekiranya dapat peluang, dapatlah berucap. Tetapi hendak berjanji tidak bolehlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan saya menjadi Wakil Rakyat hendak berjanji apa. *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalnya Tuan Yang di-Pertua menyatakan pada saya, saya boleh bercakap. Itulah saya menyatakan supaya Tuan Yang di-Pertua memberi waktu pada saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh bercakap....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:untuk saya bercakap walaupun....

Tuan Yang di-Pertua:isi ucapan itu boleh dibuat dalam ucapan Budget.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya suka mengulang kembali sebelum saya duduk ini, sebab saya bangun bercakap itu bukan saya tidak tahu. Saya tahu Peraturan Mesyuarat. (*Ketawa*) Tetapi kerana saya mendengar mereka yang berucap sebelum daripada saya telah melanggar peraturan....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu ada yang berucap lari sedikit.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:.....tetapi pihak....

Tuan Yang di-Pertua: Kita sekarang tidak ada masa. Ikut Peraturan Mesyuarat,hanyasehari.Jadi,jika Yang Berhormat bercakap tidak berkenaan, saya terpaksa memberhentikan dengan kerana itu kewajipan saya. Kalau saya tidak berhentikan, kita tidak boleh habiskan dalam satu hari.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood; Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasihlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.79 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada 4 Ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membahaskan. Rang

Undang-undang ini. Saya tidak bercadang hendak menjawab setiap daripadanya. Walaupun begitu, saya merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertamanya, saya merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, kita diingatkan danpada awal-awal lagi dalam mesyuarat Parlimen kali ini bahawa pulangnya ke Rahmatullah Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj maka kita disarankan supaya mengambil perkara-perkara yang baik untuk ingatan kita semua dan kita berpegang kepada seruan tersebut dan tidak ada siapa yang sepatutnya mengungkit-ungkitkan perkara-perkara yang telah berlalu yang mungkin tidak senang untuk tanggapan dan amalan masyarakat kita yang beragama Islam dan daripada bangsa Melayu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai memorial untuk Tunku dan juga satu Kerusi di Universiti Malaya, itu adalah perkara-perkara yang akan dipertimbangkan oleh suatu Jawatankuasa yang diwujudkan di Jabatan Muzium dan, insya Allah, akan diselenggarakan dengan secepat mungkin untuk kita mengabadikan kenangan kila, penghargaan kita kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Keduanya, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pembayaran kepada Proton, Bank Bumiputra, Syarikat Telekom Malaysia dan sebagainya. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ada menyebut bahawa pembayaran-pembayaran yang agak besar itu berlawanan amalan dan juga matlamat penswastan Kerajaan.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dalam kes-kes tersebut ia masih lagi selaras dengan amalan dan matlamat Kerajaan ke arah penswastan. Apa yang berlaku adalah

sekadar untuk memperkokohkan mana-mana syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan supaya dapat mencapai prestasi yang lebih baik lagi dan apabila tiba masanya akan diswastakan dan dengan cara demikian, faedah dan manfaatnya dapat dinikmati oleh pihak Kerajaan. Sebagai contoh, lebih kurang 500 juta saham Syarikat Telekom Malaysia yang telahpun dipasarkan di Pasaran Saham yang nilainya lebih kurang \$2.5 billion di mana Kerajaan Pusat telah membeli lebihkurang \$100 juta dengan nilai sebanyak \$500 juta ribu. Dengan cara demikian Kerajaan Persekutuan memiliki 80% daripada Syarikat Telekom Malaysia dan juga akan mendapat dua sumber pendapatan. Satu, daripada dividen yang mungkin dibayar pada masa-masa yang akan datang dan seterusnya apabila tiba masa yang sesuai, maka Kerajaan akan menjual sebahagian daripada sahamnya dan mendapat faedah daripada jualan saham-saham tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa-apa langkah yang dibuat sepanjang 1990 melalui peruntukan tambahan Kerajaan ini bukanlah berlawanan dengan Dasar Kerajaan tetapi sekadar untuk memperkokohkan dasar tersebut dan akan dilaksanakan pada masa-masa yang lebih sesuai nanti.

Mengenai perkara yang berbangkit di sekitar PEREMBA dan sebagainya, ingin saya menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa keputusan untuk menswastakan satu-satu badan Kerajaan diputuskan secara "collective" di peringkat Jemaah Menteri (Cabinet) dan Kerajaan menekankan dua pendekatan. Yang pertamanya, melalui Permodalan Nasional Berhad dan juga Amanah Saham Nasional dan nanti Amanah Saham Bumiputera di mana pemilikan harta akan diagihkan melalui penyertaan pemegang-pemegang unit dan sambil itu pula dasar penswastakan mengizinkan Kerajaan mewujudkan satu kelompok usahawan bumiputera yang akan memperteguhkan antara satu dengan yang lain di antara institusi yang saya sebutkan tadi....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali;
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Memang penswastakan seperti PEREMBA diluluskan oleh Kabinet, tetapi tentulah kertas cadangan itu datangnya daripada Kementerian yang bertanggungjawab sama ada daripada Kementerian Perdagangan ataupun Kewangan dan lazimnya apabila dibawa oleh Kementerian, jarang cadangan-cadangan daripada Menteri-menteri itu ditolak oleh Kabinet. Sebab saya minta penjelasan ini oleh keranacadangan saya yang awal tadi supaya Kerajaan mengkaji semula cara penswastakan seperti PEREMBA sebagai contoh. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, sebab PEREMBA kita difahamkan bernilai \$500 juta - saya difahamkan begitu - tetapi diswastakan dengan nilai lebih kurang \$190 juta. Jadi PEREMBA selama ini dibuat ataupun dibiayai oleh Kerajaan. Betullah kita hendak tolong bumiputera, satu dua bumiputera kita tolong, tetapi hak orang ramai macam mana, pembayar cukai macam mana? Saya sokong penswastakan ini asalkan Kerajaan mendapat pulangan maksimum sebagaimana yang sepatutnya. Apakah cara Kerajaan pada masa akan datang hendak pastikan penswastakan projek-projek seumpama ini dimaksimumkan pada pendapatan oleh pihak Kerajaan? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kabinet mendapat segala kemudahan daripada struktur Kerajaan untuk membuat keputusan secara baik yang boleh. Saya ingin menegaskan apa yang saya maksudkan bahawa faedah yang paling optimum boleh dinikmati oleh negara dan rakyat ialah melalui pendekatan yang saya sebutkan tadi bahawa samada

dengan cara pengagihan sistem amanah saham ataupun dengan cara mengwujudkan satu masyarakat usahawan yang kuat dan teguh untuk sokong-menyokong di antara satu dengan yang lain,

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai perlunya kita mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membangunkan masyarakat belia. Ini menepati dengan penekanan yang dibuat oleh Kerajaan untuk membangunkan tenaga manusia yang ada dalam negara kita ini lebih-lebih lagi dengan kesedaran yang ada di pihak Kerajaan, bahawa faktor yang ketiga yang masih belum lagi dioptimalkan faedahnya ialah dengan cara mengembelinkan segala kekuatan yang mungkin didapatkan dari tenaga manusia yang ada dalam negara kita ini. Kalau sekiranya penekanan dibuat ke arah itu maka ianya akan merangkumi apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk kita mengembelinkan sumber kekuatan yang datangnya daripada kumpulan belia negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal baja, itu tidak dirujuk dalam Kertas Perintah yang ada. Yang dimaksudkan di sini adalah sekadar subsidi padi. Dalam soal subsidi padi tidak ada dibezakan di mana petani-petani itu wujud tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menganiaya mana-mana petani di manapun mereka berada. Kerajaan juga menyeru semua pihak supaya tidak ada petani yang teraniaya dari segi pemikiran mereka, persepsi mereka terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara kad pengenalan, maka saya sedarlah bahawa akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dia tidak tahu sama ada dia serupa dengan pelakun Aziz Jaafar. (*Ketawa*) Oleh kerana perkara itu tidak menyentuh tentang soal dasar, saya

cadangkan supaya perkara itu akan dibangkitkan dalam Jawatankuasa nanti.

Saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai \$600 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa \$600 juta itu bukanlah tambahan kepada Perbelanjaan Pengurusan. \$600 juta adalah wang asalnya daripada Pengurusan dan dipindahkan kepada Pembangunan. Ertinya di sini ialah kita menyelamatkan \$600 juta daripada keperluan Pengurusan untuk digunakan ke arah Pembangunan. Kemudian saya ingin merujuk kepada....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun. Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, bagaimana kita dapat wang yang diperuntukkan untuk pengurusan kemudian dengan serta-merta ditukar menjadi wang Pembangunan. Jadi tidak boleh buat macam itu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Adakah pertukaran itu dengan serta-merta alaupun lambat-lambat? (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Mengikut peruntukan yang ada, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong ianya boleh dibuat.

Saya merujuk kepada Ahli Yang Berhormat mengenai apa yang dilaporkan oleh Malaysian Institute of Economic Research yang mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi negara mungkin menurun. Dengan cara demikian beliau mencadangkan supaya Kerajaan mengambil peranan yang lebih. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan mengambil langkah di mana sektor swasta mengambil peranan yang lebih

banyak lagi bahkan langkah-langkah yang terakhir di mana Kerajaan mengundurkan peranannya membawa faedah yang baik dan sudah tiba masanya negara kita ini membangun dengan lebih cepat lagi melalui peranan yang lebih aktif dan inisiatif yang boleh dibawa oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.